


Jilid II
Bil. 72



Hari Rabu
26hb Januari, 1977

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 7545]

**Ucapan Takziah kepada Balu dan Keluarga Allahyarham Y. B. Tan Sri
Syed Jaafar Albar [Ruangan 7547]**

USUL:

Laporan Skim Gaji Baru Jawatankuasa Kabinet [Ruangan 7548]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 7598]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'AKUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beras).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DEWAN RAKYAT

Hari Rabu, 26hb Januari, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG DI- PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dua perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan, 1977.

Tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Negara.”

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) (No. 2);
2. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2);
3. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil;

5. Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang;
6. Rang Undang-undang Syarikat-syarikat Meminjam (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Pencen (Sabah) (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Peruntukan di-Raja (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 2);
14. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 3);
16. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan);
18. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan);
19. Rang Undang-undang Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
20. Rang Undang-undang Talikom (Pindaan);
21. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan);
22. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
23. Rang Undang-undang Penjenayah Fujitif (Ekstradisi Khas);

24. Rang Undang-undang Profession Undang-undang (Pindaan);
25. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2);
26. Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan);
27. Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran);
28. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
29. Rang Undang-undang Orang-orang Papa;
30. Rang Undang-undang Letrik (Pindaan);
31. Rang Undang-undang Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan);
32. Rang Undang-undang Perusahaan Nenas (Pindaan).

Tandatangan:
Yang di-Pertua Dewan Negara”.

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA BALU
DAN KELUARGA ALLAHYARHAM
Y.B. TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan dukacita dan sedih saya memaklumkan, iaitu sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, kita telah kehilangan seorang tokoh politik tanahair dengan kembalinya ke Rahmatullah Yang Berhormat Tan Sri Syed Jaafar bin Hassan Albar (bekas Ahli bagi Panti) pada 14hb Januari, 1977.

Pihak Parlimen telahpun menghantar kawat takziah kepada balu dan keluarga Allahyarham itu.

“Setiap yang hidup pasti merasai mati” dan bagi kita yang lemah ini hanya dapat berdoa kepada Allah subhanahu wa taala semoga dicurinya berbilang-bilang rahmat ke atas roh Allahyarham itu.

Bagi memperingati Allahyarham itu, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat bangun bersama saya bertafakkur selama seminit dan bagi Ahli-ahli yang beragama Islam di harap dapat menghadihkan Fatihah seberapa yang ikhlas kepada roh Allahyarham itu.

(Majlis bertafakkur selama seminit dan yang beragama Islam menghadihkan Fatihah).

USUL

LAPURAN SKIM GAJI BARU JAWATANKUASA KABINET

2.40 ptg.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membentangkan di Dewan yang mulia ini suatu usul yang berbunyi:

Bahawa memandang kepada Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Diraja 1975 yang akan melibatkan kos pelaksanaannya melebihi kemampuan Kerajaan, di samping tanggungjawab perbelanjaan yang besar diperlukan untuk pembangunan dan memelihara keselamatan negara;

Dan memandang kepada implikasi terhadap semua golongan berpendapatan rendah yang bekerja sendiri terutamanya golongan tani, nelayan, pengusaha kecil dan kepada golongan yang menganggur;

Dan memandang kepada pembahagian kenaikan gaji dalam perkhidmatan awam yang tidak seimbang seperti yang diperakukan dalam Lapuran itu, yang akan menimbulkan implikasi yang meluas terhadap kepentingan negara keseluruhannya;

Dan dengan mengambil ingatan atas kesanggupan Kerajaan untuk memperbaiki tanggagaji pekerja-pekerjanya;

maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan menyokong pendirian Kerajaan tidak menerima perakuan-perakuan dalam Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Diraja 1975, serta menyokong sepenuhnya keputusan Kerajaan untuk melaksanakan skim gaji baru yang berasaskan kepada Lapuran Kerajaan sebagaimana yang disediakan oleh Jawatankuasa Kabinet yang telah dibentangkan dalam Dewan ini; dan menyokong sebarang tindakan Kerajaan untuk menentukan supaya tuntutan gaji tidak menjejaskan ketenteraman dan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum Jawatankuasa Kabinet yang dilantik bagi mengkaji Lapuran Semula (Revised Report) Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali, yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, telah selesai menjalankan tugasnya dan telahpun menyediakan Lapuran Skim tanggagaji yang baru. Jawatankuasa tersebut telah menemui saya pada hari Jumaat lalu, 21hb Januari, 1977, membincangkan Lapuran ini serta mengkaji perkembangan, kesan dan

implikasi terhadap pelaksanaan skim tangga-gaji baru ini. Hasil daripada pertemuan itu, di antara lain, keputusan telah dibuat supaya satu Mesyuarat Khas Dewan Rakyat dipanggil bersidang untuk membahaskan usul ini, dan mengambil ketetapan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum, CUEPACS dan lain-lain Kesatuan Sekerja gabungannya telah menuntut supaya Kerajaan melaksanakan segera Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali.

Oleh kerana tuntutan dan desakan dari CUEPACS dan lain-lain Kesatuan Sekerja terlalu kuat, masalah ini telah menjadi rumit dan keputusan yang tegas terpaksa diambil. Memandangkan implikasi yang begitu meluas terhadap kepentingan negara dalam semua aspek terutama mengenai kos pelaksanaannya, yang akan jauh melebihi perolehan negara dari himpunan semua punca hasil dan cukai, Kerajaan tidaklah mempunyai kemampuan melaksanakan tuntutan itu.

Dalam menjalankan tugasnya, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan adalah "committed" dengan perbelanjaan keselamatan negara yang mesti diutamakan dan juga perbelanjaan pembangunan bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Dengan adanya keadaan keselamatan negara yang terancam sekarang ini, Kerajaan mestilah lebih bercermat dalam usahanya menimbangkan perkara tuntutan gaji ini, terutama bila diambil perhitungan rakyat yang tidak berpendapatan tetap dan sebagainya. Kita tentu tidak suka melihat timbulnya suasana genting dan terkeluar dari kawalan semua pihak oleh sebab sudah tentu suasana seperti ini akan terdedah kepada pihak-pihak lain—anasir-anasir jahat—yang ingin mengeksploitasikan keadaan dan suasana buruk ini. Pada hemat saya, sebagai Ketua Kerajaan adalah lebih wajar, jika sesuatu tindakan atau keputusan besar yang akan diambil oleh Kerajaan, mendapat persetujuan dan sokongan penuh dari Dewan yang mulia ini. Dengan lain perkataan, saya kemukakan masalah kenaikan gaji pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam ini, kepada rakyat seluruhnya, menerusi Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai wakil-wakil mereka dalam

Dewan ini serta memberi peluang kepada mereka membahaskan dan memberikan pendapat-pendapatnya.

Tidak syak lagi, pada hemat saya, perkara yang merupakan masalah besar seperti ini patutlah dikemukakan kepada rakyat, supaya dapat kita menyelesaikan dengan sebaik-baiknya dan dengan seberapa segera. Oleh kerana ianya melibatkan Kerajaan, sebagai majikan, dan pegawai serta kakitangannya, yang menjadi tulang belakang jentera pentadbiran negara, perkara ini merupakan satu issue yang besar, satu bebanan yang akan dipikul terus-menerus. Rakyat sendiri mustahaklah diberitahu supaya mereka dapat memahami kedudukan yang sebenarnya. Hal ini lebih penting lagi kerana pada saat dan ketika ini kita menghadapi cabaran bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga, yang bertujuan meneruskan usaha mengurangkan dan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat jelata, samada di kawasan luar bandar, mahupun di bandar kecil dan besar, yang juga ingin menikmati kemajuan dan kemakmuran hidup.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi dugaan ini, saya sekali-kali tidak meragukan semangat dan taat setia sebilangan besar daripada Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam, sekalipun mereka terpaksa berhadapan dengan dugaan besar ini, di mana Kesatuan-kesatuan Sekerja yang mereka menjadi ahlinya, telah mengisytiharkan kemungkinan mengambil tindakan perusahaan. Walau apapun yang terjadi, saya penuh yakin mereka tetap berada di samping Kerajaan. Mereka tetap menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, pada bila-bila masa jua dengan dedikasi yang sama.

Akan tetapi, apa yang saya dan rakan sejawat saya bimbangkan, iaitu dalam suasana sedemikian ini dan dalam keadaan yang terdesak, dan setelah emosi mengatasi pemikiran waras, mereka mungkin menerima desakan, tekanan atau ugutan supaya menyertai ahli-ahli lain dalam kesatuan tersebut yang turut serta dalam tindakan perusahaan. Oleh itu, Kerajaan tidak rela melihat ada golongan-golongan yang akan menghalang Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam yang dedikasi dan taat setia ini yang ingin menjalankan kewajipan mereka terhadap bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sentiasa menghormati hak asasi Kesatuan-kesatuan Sekerja. Kerajaan adalah sentiasa

melindungi hak pekerja. Sesungguhnya kaum pekerja adalah diberi kebebasan penuh mengikut aturan dan peraturan menjalankan kegiatan-kegiatan kesatuan sekerja demi kepentingan dan kebajikan ahli-ahli mereka. Oleh kerana adanya amalan dan sikap Kerajaan yang penuh simpati terhadap Kesatuan-kesatuan Sekerja ini, Trade Union di negara kita telah tumbuh dengan sihat dan kuatnya. Kebanyakan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang kecil, yang mempunyai kepentingan yang sama, telah bergabung dalam badan-badan yang lebih besar dan kesemuanya pula bergabung di bawah naungan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia. Hubungan rapat dan kerjasama sentiasa wujud di antara Kerajaan dengan Kesatuan-kesatuan Sekerja melalui perbincangan dan perundangan bersama. Rekod di masa lepas membuktikan tidak ada masaalah besar dan kecil yang tidak dapat diatasi, oleh Kerajaan dan Kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengkaji Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali Kerajaan telah mengemukakan serta menjelaskan kepada pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang terlibat bahawa Kerajaan hanya mampu mengeluarkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$350 atau \$370 juta. Jika cost pelaksanaan Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali adalah dalam lingkungan keupayaan, Kerajaan tidak teragak-agak untuk melaksanakannya.

Saya telah juga menerangkan kepada pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang terlibat bahawa angka-angka yang disebutkan oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali telahpun diperiksa oleh pihak Kerajaan, dan Pengerusi bebas serta mendapati cost perbelanjaan adalah hampir sama, sekadarkan Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali menyebut 231.58 juta ringgit tetapi perkiraannya ialah untuk kakitangan Kerajaan Pusat sahaja. Bilangan kakitangan yang disebutkan ialah 280,000 orang.

Angka ini tidak tepat dan Kesatuan Sekerja sendiri telah mengakui bahawa bilangan sebenar untuk Kerajaan Pusat ialah 292,951 tidak termasuk tentera dan polis. Jika semua kakitangan Pusat, tentera dan polis dan juga kakitangan Kerajaan Negeri, Kuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun diambil kira iaitu seramai 566,895 orang maka perhitungan perbelanjaan Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali tentulah akan meningkat sekali ganda lebih, iaitu sekurang-kurangnya \$500 juta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pengiraan Kerajaan mengenai jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk melaksanakan sepenuhnya Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali termasuk polis dan tentera adalah lebih dari \$500 juta.

Pengerusi Bebas yang dilantik oleh Kerajaan bagi menilai cost pelaksanaan sebenarnya telah mengesahkan bahawa perbelanjaan tambahan itu adalah lebih kurang \$516 juta bagi tahun 1976 sahaja. Jika termasuk perbelanjaan kenaikan gaji anggota-anggota tentera dan polis jumlahnya ialah sebanyak \$613.8 juta.

Tetapi pihak Kesatuan Sekerja sebaliknya menyatakan bahawa cost pelaksanaannya adalah \$391.7 juta sahaja sebagai perbelanjaan yang diperlukan, tidak termasuk perbelanjaan kenaikan gaji anggota polis dan tentera dan bonus. Angka ini sangat berbeza dengan perkiraan tiga pihak lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat perbelanjaan tambahan bagi tahun 1976 untuk menampung kenaikan gaji anggota pangkat rendah Polis dan Tentera ialah \$72 juta, bagi anggota pangkat tinggi polis dan tentera \$12 juta dan bayaran bonus untuk semua pegawai dari kakitangan perkhidmatan awam ialah \$18.3 juta.

Oleh yang demikian, amatlah sukar angka Kesatuan Sekerja itu hendak diterima oleh Kerajaan. Dakwaan oleh Kesatuan bahawa perkiraannya adalah lebih detail dan tepat juga tidak dapat diterima kerana pihak Kerajaan mempunyai butir-butir yang lebih lengkap berkenaan bilangan pekerja dan gaji-gaji mereka daripada yang ada pada Kesatuan Perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan telah disemak berkali-kali. Perbezaan antara angka yang didapati oleh Datuk Ahmad Nordin dengan Kerajaan adalah disebabkan oleh pengurangan sebanyak 10% yang ditekan oleh Kesatuan.

Walaupun angka yang diperhitungkan oleh Datuk Ahmad Nordin adalah rendah dari perhitungan Kerajaan, jumlahnya masih lebih tinggi daripada yang mampu dibayar oleh Kerajaan.

Selain daripada ini Kerajaan juga tidak dapat menerima beberapa prinsip yang menjadi asas kepada pembentukan tanggungaji Ibrahim Ali. Di antaranya ialah faktor pencen. Oleh kerana pencen tidak lagi dikenakan cukai, maka orang yang berpencen akan

mendapat hampir sama dengan gaji yang dibayar kepada mereka yang bekerja setelah dibayar cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai anomali akan timbul jika tanggagaji Ibrahim Ali itu dilaksanakan dan ini akan mengakibatkan kegelisahan di kalangan kaum pekerja seluruhnya.

Memandang kepada faktor-faktor ini Kerajaan tidak dapat menerima Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Saya telah pun menjelaskan perkara ini kepada pemimpin Kesatuan Sekerja pagi semalam. Saya berharap pekerja-pekerja khususnya ahli-ahli Kesatuan Sekerja akan benar-benar faham kedudukan ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum pihak pekerja bukan sahaja menuntut pelaksanaan Tanggagaji Ibrahim Ali dengan sepenuhnya tetapi telah membuat apa yang dikatakan minimum adjustments. Pihak Kerajaan belum diberi secara resmi tuntutan minimum adjustments ini. Tetapi minimum adjustments ini akan melibatkan ratusan juta ringgit tambahan kepada perbelanjaan tambahan yang diperlukan oleh Ibrahim Ali.

Syarat minimum adjustment yang dibuat oleh Kesatuan jelas membuktikan bahawa pihak Kesatuan Sekerja sendiri tidak menerima Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Walaupun Kerajaan tidak dapat menerima Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali, ini bukanlah bermakna Kerajaan tidak mahu memberi kenaikan gaji kepada pekerja-pekerja Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan amat ber-simpati dengan Ahli-ahli Kesatuan Sekerja terutama golongan-golongan yang daif dan berpendapatan rendah. Itulah sebabnya apabila Lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali yang dikemukakan kepada Kerajaan pada 6hb Jun, 1975, dikaji dan dipertimbangkan, Kerajaan telah meminta Suruhanjaya itu mengkaji semula perakuan-perakuannya, supaya menumpukan perhatian yang lebih terhadap kenaikan gaji kakitangan pendapatan rendah yang lebih memerlukan kenaikan gaji.

Kerajaan mempunyai cukup maklumat tentang kedudukan wang Kerajaan buat sekurang-kurangnya lima tahun yang akan datang. Ini termasuk kemungkinan hasil dari pengeluaran minyak meningkat.

Berasaskan kepada pengetahuan ini Kerajaan terpaksa menurunkan nisbah kenaikan yang dibuat oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Oleh kerana pengurangan ini tidak boleh dibuat semata-mata dengan "percentage cut on the proposed increase" sahaja, Kerajaan terpaksa membentuk satu tanggagaji yang lebih sesuai dan adil kepada semua pihak.

Susunan gaji baru ini mempunyai beberapa perbezaan dengan lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali.

Gaji baru yang disusun oleh Jawatankuasa Kabinet adalah gaji bersih dan tidak terbahagi kepada gaji, elaun-elaun lain seperti elaun rumah dan bonus sebagaimana yang disyorkan oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Bayaran bonus dan bantuan subsidi sewa rumah telah pun dimasukkan dalam pengiraan gaji bersih yang baru ini. Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna gaji bersih ini akan lebih tinggi daripada gaji bersih Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali dan akan diambil kira dalam perkiraan pencen. Oleh kerana elemen housing ini tidak diasingkan maka pembayaran back-pay bagi tahun 1976 akan menjadi lebih tinggi.

Bagi beberapa kumpulan dalam peringkat I.M.G. gaji baru yang dicadangkan oleh Kerajaan adalah lebih tinggi dari jumlah take-home pay yang dibuat oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Ini bermakna mereka bukan sahaja akan dapat gaji yang lebih baik tetapi back-pay mereka akan lebih tinggi daripada back-pay mengikut Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali.

Pemindahan (conversion) dari scheme sekarang kepada scheme baru adalah lebih baik daripada yang dicadangkan oleh Ibrahim Ali. Tanggagaji bukan sahaja ditinggikan tetapi ditambah bagi setengah-setengah pekerja bagi membolehkan mereka yang sudah sampai maksima akan dapat meningkat ke tanggagaji yang lebih tinggi lagi.

Bagi mereka yang duduk di bawah scheme Suffian, Aziz dan Harun untuk Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan, pemindahan ke tanggagaji baru adalah melalui pemindahan dahulu kepada tanggagaji Harun. Ini akan memberi kenaikan gaji yang bertambah dan tunggakan yang banyak bagi ramai yang berada di bawah scheme-scheme tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin menyatakan bahawa Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali telah menamatkan 87 jenis elaun yang biasa dibayar. Pihak Kerajaan bercadang meneruskan sebanyak 37 daripada elaun-elaun yang dibatalkan oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali itu.

Mengenai pencen, sungguhpun Kerajaan tidak bersetuju dengan pencen factor 1/450, tetapi bagi pekerja gaji rendah kesan penggunaan pencen faktor 1/600 tidak mengurangkan pencen dengan banyak, kerana gaji yang diterima adalah gaji bersih yang terkandung dalamnya elemen housing subsidi dan bonus dan semuanya boleh dimasukkan dalam perkiraan pencen.

Bagi mereka yang bergaji tinggi pula, pengecualian cukai pendapatan terhadap pencen sejak 1hb Januari ini akan mengurangkan kesan pencen faktor 1/600 itu.

Tanggagaji yang baru ini sesungguhnya akan memuaskan semua pihak. Tidak ada seorompok yang tidak akan mendapat gaji yang lebih daripada take-home paynya sekarang ini apabila dipindah ke tanggagaji baru kelak. Walaupun demikian, ada beberapa kumpulan yang tidak akan dapat menerima sebanyak yang disyorkan oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Mereka ini kebanyakannya terdiri dari golongan yang bergaji tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum pelaksanaan Tangga-gaji Baru Jawatankuasa Kabinet akan melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$237.8 juta, tidak termasuk kenaikan bagi anggota Polis dan Tentera, jika pelaksanaannya dimulakan pada 1hb Januari, 1976. Perbelanjaan yang diperlukan bagi tahun pertama pelaksanaan sepenuhnya iaitu tahun 1977 ini ialah sebanyak \$249.7 juta tambahan sebanyak 5 peratus daripada perbelanjaan tambahan bagi tahun 1976, tidak termasuk Polis dan Tentera.

Perbelanjaan pelaksanaan perakuan Jawatankuasa Kabinet termasuk tambahan perbelanjaan kenaikan gaji bagi anggota-anggota Polis dan Tentera dalam tahun 1977 adalah seperti berikut:

Pertama ... Perbelanjaan pemindahan (conversion) ke tangga-gaji baru bayaran kebelakangan bagi tahun 1976 ialah \$237.861 juta.

Kedua ... Perbelanjaan pemindahan bagi tahun 1977 ialah \$249.754 juta.

Ketiga ... Perbelanjaan kenaikan gaji anggota-anggota pangkat Tinggi Polis dan Tentera bagi tahun 1976 dan 1977 ialah \$24.6 juta.

Keempat ... Tambahan gaji bagi anggota pangkat rendah Polis dan Tentera bagi tahun 1977 ialah \$75.6 juta.

Kelima ... Perbelanjaan tambahan pencen bagi tahun 1977 dan tunggakan bagi tahun 1976 ialah \$16.4 juta.

Jumlah besar ialah \$604.215 juta.

Perbelanjaan keseluruhannya bagi melaksanakan syor Jawatankuasa Kabinet termasuk perbelanjaan tambahan yang terlibat bagi melaksanakan kenaikan gaji anggota-anggota Pangkat Rendah Polis dan Tentera bagi tahun 1976 sebanyak \$72 juta—berjumlah kesemuanya \$676.215 juta.

Kesan perbelanjaan untuk melaksanakan tangga-gaji baru ini yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan dari peruntukan "current account" ialah deficit sebanyak \$219 juta bagi tahun 1977. Bagi tahun 1978 current account menunjukkan berlebihan hanya \$60 juta dan \$99 juta bagi tahun 1979 sekalipun pengeluaran hasil minyak diramalkan meningkat pada ketika itu. Bagi tahun 1980 Kerajaan dijangka mengalami deficit yang besar iaitu lebihkurang \$355 juta dari current accountnya.

Sesungguhnya beban yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan dalam melaksanakan tangga-gaji baru ini amatlah berat. Walau bagaimanapun Kerajaan akan cuba sedaya-upayanya memenuhi tanggungjawab perbelanjaan tambahan pengurusan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita berdoa agar bahan mentah pengeluaran negara terus mendapat pasaran atas harga yang lebih setabil dan hasil dari pengeluaran minyak akan meningkat bagi membolehkan kita mengatasi kesan-kesan dari perbelanjaan tambahan ini. Saya berharap dengan terlaksananya gaji baru ini semua pihak akan merasa puas hati serta bekerja dengan lebih dedikasi. Meningkatkan prestasi jentera pentadbiran Kerajaan bagi memenuhi hasrat rakyat yang tinggi itu amatlah penting.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada perbelanjaan yang begitu besar adalah jelas bahawa tangga-gaji baru yang akan dilaksanakan ini masih merupakan beban yang berat bagi Kerajaan. Tetapi oleh kerana Kerajaan berniat untuk menyelesaikan masalah gaji, Kerajaan sanggup memikul beban ini.

Oleh kerana pelaksanaan gaji baru ini adalah "a matter of public interest" dan akhirnya rakyat yang akan memikul beban ini, Kerajaan memutuskan supaya perkara gaji ini dibentang dalam Parlimen. Dengan cara ini maklumat yang cukup lengkap dapat diberi kepada wakil-wakil rakyat daripada parti Kerajaan dan pihak Pembangkang. Di samping itu semua pihak dapat ketahui kedudukan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pertemuan saya dengan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang terlibat pada pagi semalam, saya telah menerangkan dengan jelasnya kepada mereka mengapa Kerajaan tidak dapat melaksanakan Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Naskah-naskah buku skim tangga-gaji yang berasaskan kepada Lapuran Jawatankuasa Kabinet telah juga disampaikan kepada mereka supaya mereka dapat menjelaskan sepenuhnya kepada ahli-ahli Kesatuan mereka.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, buku-buku tersebut telah tidak dibawa balik dan ditinggalkan di atas meja bilik pertemuan dengan alasan kata mereka "kita tidak mempunyai mandat membahas skim gaji baru yang ditawarkan oleh Kerajaan itu".

Sungguhpun keputusan muktamad tidak dapat dicapai oleh kerana Kesatuan Sekerja terpaksa mendapatkan mandat yang baru dari ahli-ahli mereka, saya percaya dan mempunyai penuh keyakinan sekiranya skim tangga-gaji baru ini akan diterima oleh Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dengan fikiran dan hati yang terbuka. Saya juga penuh yakin, setelah Dewan Rakyat dan Dewan Negara meluluskan usul ini, ahli-ahli dalam semua Kesatuan-kesatuan Sekerja yang terlibat akan faham hakikat yang sebenarnya dan menerima ketetapan ini dengan penuh kejujuran dan keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga sedar bahawa satu daripada masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah terutama di bandar-bandar

besar seperti Kuala Lumpur, ialah tempat kediaman. Oleh kerana rumah-rumah Kerajaan tidak mencukupi bagi menampung keperluan bilangan pegawai dan kakitangan yang begitu ramai, sebilangan besar dari mereka terpaksa menyewa. Kerajaan memanglah tidak berupaya membayar sewa rumah oleh kerana angka perbelanjaan yang akan terlibat amatlah besar. Jika diberikan juga ia akan melipat-gandakan lagi perbelanjaan tambahan Kerajaan dari jumlah yang telah saya sebutkan itu. Kerajaan juga berpendapat bahawa bayaran sewa rumah tidak akan menyelesaikan masalah tempat tinggal. Cara yang lebih berkesan mengatasi masalah ini ialah membanyakkan bilangan rumah berharga murah supaya harga sewa rumah yang mampu disewa oleh kakitangan seperti ini akan turun lebih rendah lagi. Bagi memenuhi keperluan ini Kerajaan telahpun menyediakan beberapa rancangan menggalakkan pembinaan rumah-rumah seperti ini bukan sahaja dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, Dewan Bandaraya bagi Kuala Lumpur, agensi-agensi seperti UDA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, bahkan syarikat-syarikat perumahan swasta juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah merakamkan ucapan tahniah serta setinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Jawatankuasa Kabinet khususnya kepada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, yang telah berusaha bersungguh-sungguh mewujudkan tangga-gaji baru ini. Kepada pihak-pihak yang lain terutama Bahagian Gaji, Jabatan Perkhidmatan Awam, yang telah terpaksa menyiapkan Lapuran Jawatankuasa Kabinet dalam masa yang terdesak, saya juga mengucapkan terima kasih atas perkhidmatan mereka itu.

Sesungguhnya tugas dan peranan mereka khususnya pada mengurangkan jurang perbezaan yang ditimbulkan oleh Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali patutlah diberi pujian.

Perbezaan di antara gaji maksimum bagi golongan pekerja yang paling rendah dengan gaji pegawai dalam tingkatan yang paling tertinggi sebagai yang telah diperakui oleh Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali amatlah besar. Di bawah syor Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali gaji maksimum bagi golongan pekerja yang paling rendah ialah \$220.00 dibandingkan dengan \$5,920 gaji yang paling tinggi Tingkatan Tertinggi. Ini

merupakan jurang perbezaan sebanyak 27 kali ganda di antara gaji maksima golongan pendapatan rendah dengan gaji Tingkatan Tertinggi itu.

Jawatankuasa Kabinet dalam menimbang untuk merapatkan jurang yang besar ini, telah menaikkan gaji maksima bagi golongan berpendapatan yang paling rendah dari \$220.00 kepada \$285.00. Sementara itu Jawatankuasa tersebut telah pula mengurangkan tangga-gaji yang paling tinggi, Tingkatan Tertinggi dari \$5,920 kepada \$5,350. Dalam pengiraan perbandingan ini Jawatankuasa Kabinet telah dapat mengurangkan jurang perbezaan dari 27 kali ganda kepada 18.5 kali ganda di antara gaji maksima pekerja tingkatan rendah dengan gaji tingkatan yang paling tinggi dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap setelah dilulus dan dipersetujukan oleh kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Lapuran Gaji Baru Jawatankuasa Kabinet ini akan diterima oleh semua golongan dengan semangat bahawa kita patut meletakkan kepentingan negara di atas lain-lain kepentingan. Sebagai warganegara kita mestilah sentiasa bersimpati dengan keadaan atau plight rakyat yang miskin dan daif yang telah juga bersama-sama dengan kita mengorbankan tenaga sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, memberi makna kepada kemerdekaan yang telah dicapai 20 tahun yang lalu. Sesungguhnya penglibatan rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar itu telah sedikit sebanyak memberikan sumbangan kepada perkembangan dan pembangunan negara sehingga kita dapat mencapai taraf kemajuan dan kemakmuran yang terdapat sekarang ini. Sewajarnya mereka ini dapat sama-sama merasai nikmat. Insya Allah, Kerajaan akan terus berusaha serta mengambil langkah agar inflasi yang mungkin timbul akibat dari banyak wang yang akan melimpah ke pasaran oleh pekerja-pekerja yang menerima bayaran tunggakan, akan dapat diatasi.

Dalam hubungan ini saya suka lah menasihatkan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan supaya berjimat cermat menyimpan wang tambahan yang akan diperolehi untuk masa hadapan. Wang bayaran tunggakan yang akan diterima itu patutlah dilaburkan dengan membeli saham-saham yang boleh mendatangkan keuntungan.

Jika tidak sewajarnya wang itu dimasukkan sahaja ke dalam Bank Simpanan untuk keperluan di masa hadapan. Langkah ini adalah perlu bagi mengelakkan wang berlebihan di pasar yang boleh menyebabkan inflasi yang lebih tinggi lagi yang sudah tentu akan melibatkan penghidupan rakyat miskin dan daif.

Saya suka juga mengingatkan kaum peniaga supaya jangan mengambil kesempatan mendengar berita kenaikan gaji dan pekerja-pekerja menerima bayaran tunggakan, menaikkan harga barang-barang dengan tujuan memperolehi untung yang tidak berpatutan. Kita patutlah sentiasa mempunyai perasaan bertimbang-rasa dan mengamalkan cara hidup sebagai satu keluarga yang sentiasa mengambil berat di atas apa jua kesulitan yang dihadapi oleh anggota-anggota lain dalam keluarganya itu.

Sebagai warganegara kaum peniaga janganlah mengamalkan sikap mencari untung semata-mata tanpa mengirakan kebajikan dan keadaan (plight) hidup rakyat yang miskin dan daif. Semua pihak iaitu pengimpot, pengilang-pengilang tempatan pemborong, pengedar dan peruncit-peruncit patutlah sedar atas peranan dan tanggungjawab mereka kepada bangsa dan negara. Janganlah melibatkan diri dalam tindakan dan perbuatan yang boleh memburukkan lagi keadaan inflasi yang telah beransur berkurangan ini.

Dalam hubungan ini saya suka lah mengambil kesempatan menyeru semua pihak supaya sentiasa mengamalkan sikap bertimbang-rasa. Semangat ini hendaklah disebarkan supaya menyeluruh di kalangan rakyat berbilang kaum tanpa mengira pekerjaan dan taraf kedudukan. Samada peniaga, pekerja, pemimpin politik mahupun pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja hendaklah pada setiap masa mengamalkan sikap serta berperasaan timbang-rasa. Inilah satu-satunya amalan yang boleh mengeratkan persefahaman dan perpaduan antara kita—rakyat Malaysia berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyuarakan masaalah kenaikan harga kerana saya dapati setiap kali kita menghampiri hari-hari perayaan-perayaan besar seperti Hari Raya Puasa, Deepavali, Christmas dan Tahun Baru China, pada tiap-tiap tahun, harga barang-barang terutamanya keperluan harian

sentiasa naik daripada harga biasa. Alasan-alasan yang diberi atas kenaikan serta-merta itu ialah kekurangan barang-barang tersebut. Samada pemborong ataupun peruncit-peruncit sengaja tidak mengeluarkan barang-barang tersebut dengan banyaknya bagi meyakinkan kepada orang ramai bahawa keadaan itu kekurangan barang-barang itu sebenar-benarnya wujud atau sememangnya barang-barang itu tidak ada dalam simpanan mereka—tidaklah dapat dipastikan. Tetapi anihnya barang-barang tersebut sentiasa ada dijual di tiap-tiap kedai dan dapat dibeli oleh semua suri rumah-tangga. Selepas hari-hari perayaan barang-barang ini mulalah berlebih-lebih di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, bagi mengulung ucapan membentangkan usul ini saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan membahaskannya secara mendalam dan meluas dengan fikiran terbuka dan wajar, serta mengemukakan pendapat dan pandangan yang jujur dan ikhlas secara berterus-terang. Saya suka mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya bercermat agar ucapan-ucapan mereka tidak mencaci atau mengecam pihak-pihak tertentu, terutama pemimpin-pemimpin Kesatuan Se-kerja, yang tidak mempunyai peluang menjawab dalam Dewan yang mulia ini untuk mempertahankan pendirian atau membela diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan ini, saya mohon membentangkan usul ini. (*Tepuk*).

3.35 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menjelaskan dengan panjang lebar latar belakang serta perkembangan-perkembangan dan betapa perlunya dibentangkan usul ini di Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tentu akan menghargai kedudukan Kerajaan mengenai perkara ini. Sebagaimana lain-lain Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, kita mempunyai dua peranan-peranan untuk memerintah, dan peranan sebagai majikan. Dalam peranannya sebagai majikan, kita berusaha untuk menjadi sebagai "Model Employer" dengan cara memberikan syarat-syarat gaji dan perkhidmatan kepada pekerja-pekerjanya

sejajar dengan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka mengikut keperluan ekonomi dan sosial dan kemampuan negara kita. Dalam peranan inilah Kerajaan ingin mendapat persetujuan Dewan ini mengenai keputusan yang telah diambil, dan persetujuan Dewan ini kepada tawaran baru yang telah diberikan kepada pihak pekerja.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu juga akan menghargai bahawa Kerajaan sekarang adalah satu Kerajaan yang "service oriented". Ia perlu memberikan perkhidmatan kepada semua rakyat di negara ini, satu perkhidmatan yang licin dan berdedikasi—tidak seperti perusahaan swasta yang mempunyai prinsip dan motif untuk mencari keuntungan sementara keperluan sosial dan kesejahteraan Negara ini diberi perhitungan yang kecil.

Kenaikan di dalam gaji dan syarat-syarat perkhidmatan perlulah dibiayai dari hasil negara dan apa juga jenis kenaikan akan bererti bahawa pertambahan hasil perlu didapati. Ini akan bermakna pembayar cukai akan terpaksa membayar cukai yang lebih, walau dalam apa cara pun. Dalam lain-lain perkataan, satu cara kompromi haruslah dicapai dalam menimbangkan keadilan sosial dan kesulitan ekonomi serta keupayaan untuk membayar, dan dalam memberikan satu perkhidmatan yang licin, berdedikasi yang mana orang ramai adalah berhak untuk mendapatnya dari sebuah Kerajaan yang dipilih. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bererti bahawa Kerajaan tidak menghiraukan keperluan untuk mengkaji dan menyusun semula tangga gaji pekerja-pekerjanya dalam menghadapi suasana yang sentiasa bertukar. Kerajaan mempunyai rekod bahawa dalam tempoh 10 tahun yang lepas, syarat-syarat gaji dan perkhidmatan berbagai-bagai kumpulan pekerjaanya telah disusun semula tidak kurang dari lima kali, tidak termasuk berbagai-bagai langkah sementara yang diambil dari semasa ke semasa. Di dalam penyusunan semula, kriteria biasa yang di-amalkan untuk menilai kenaikan gaji, keupayaan Kerajaan untuk membayar perbelanjaan kenaikan gaji yang dicadangkan itu adalah diberi pertimbangan yang besar.

Amalan ini juga digunakan dalam tawaran yang ada di hadapan kita ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan dengan jelasnya di dalam Dewan ini, implikasi kewangan akibat dari perlaksanaan ini, dan telah juga menerangkan secara

panjang lebar akan beban yang akan ditanggung oleh Kerajaan jikalau perakuan-perakuan Lapuran Ibrahim Ali dilaksanakan berbanding dengan perakuan Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang merupakan satu perakuan yang saksama, seimbang dengan kedudukan ekonomi negara.

Dengan perlibatan kita dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan tanggungjawab untuk mempertahankan negara, mampukah kita untuk berbelanja sebanyak \$676,215,000 di dalam tahun perlaksanaannya, dengan tidak diambil kira jumlah kenaikannya dalam tahun-tahun yang akan datang. Bolehkah kita berkata kepada rakyat di negara ini bahawa dari segi persamaan dan merapatkan jurang pendapatan antara mereka yang berada dan tidak berada, adalah adil untuk membelanjakan wang sebanyak ini untuk membayar gaji pekerja-pekerja yang terdiri hanya 4.5% penduduk negara. Tidakkah perbelanjaan ini akan menewaskan keutamaan negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengkaji Lapuran Ibrahim Ali, Kerajaan juga telah mendapati beberapa ketidaksamaan dalam penggunaan prinsip-prinsip yang digunakan oleh Suruhanjaya itu dalam menentukan cadangan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan. Ketidaksamaan ini telah dijelaskan dengan panjang lebar dalam dokumen yang dibentangkan di hadapan Dewan ini. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa perkara ini adalah penting, saya bercadang untuk menyentuh aspek-aspek ini dengan secara ringkas.

Suruhanjaya Ibrahim Ali berpandukan kepada prinsip-prinsip gaji bersih, akan tetapi di satu pihak yang lain, dengan memberikan beberapa jenis elaun yang tertentu dengan secara tetap, ia telah menyeleweng dari prinsip yang dipegangnya. Sebaliknya perakuan Kerajaan menumpukan perhatian yang lebih besar kepada prinsip ini dengan secara memasukkan elaun-elaun seperti, Elaun Bantuan Khas, Elaun Perumahan dan Bonus, yang akan dibayar di dalam tanggagaji yang dicadangkan ini.

Mengenai prinsip persamaan gaji, Lapuran Ibrahim Ali telah membuat satu perakuan yang penting. Perlulah dijelaskan bahawa oleh kerana tidak ada persamaan yang penuh di dalam tugas-tugas dan tanggungjawab diberbagai-bagai kumpulan pekerja di dalam

sektor awam, sudah tentu tidak ada persamaan di dalam gaji dan syarat-syarat perkhidmatan. Yang demikian perbandingan yang lengkap dengan sektor swasta tidaklah perlu.

Kerajaan telah mengambil perhatian mengenai ketidaksamaan penggunaan prinsip-prinsip Suruhanjaya Ibrahim Ali dan telah membetulkan semula perkara ini, dalam menyusun tanggagaji yang telah ditawarkan kepada pihak pekerja.

Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tentu mengetahui akan beberapa kenyataan yang tersiar di dalam akhbar-akhbar tempatan termasuk majallah-majallah antarabangsa—kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja, kenyataan yang telah mengugut Kerajaan dengan tindakan perusahaan, jikalau Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali tidak dilaksanakan. Ahli-ahli Yang Berhormat juga tentu sedar bahawa apa yang diminta oleh Kesatuan Sekerja itu, bukan sahaja pelaksanaan Lapuran tersebut secara "toto" tetapi juga dengan lima perubahan minima. Jumlah kos pelaksanaan, dengan lima perubahan yang minima ini adalah lebih kurang \$1,461 juta. Sungguhpun ini hanya merupakan kenyataan sahaja, rakyat di negara ini adalah merasa cemas dan kelamkabut. Perdagangan Antarabangsa kita juga adalah terjejas kerana pihak kapal-kapal juga adalah merasa cemas akan kenyataan ini. Yang demikian persediaan-persediaan haruslah diatur apabila perkara ini berlaku. Kedudukan ini akan mencemarkan image negara kita, dan berikutnya pula iklim penanam modal kita juga turut terjejas.

Suasana ini tidak seharusnya dibiarkan berterusan dan satu keputusan terpaksa dibuat, walaupun kita mungkin tidak menjadi popular di kalangan kumpulan yang tertentu. Ingin saya menegaskan di sini, bahawa langkah ini bukanlah dibuat dengan tergesa-gesa, kerana di dalam membuat pemeriksaan ke atas Lapuran Ibrahim Ali, tawaran gantinya telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet yang bermesyuarat tidak kurang dari 25 kali sebelum membuat cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Kabinet ini, sukacita juga saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan atas usaha-usaha yang telah diberi oleh Sekretariat Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji Lapuran Semula Suruhanjaya Di Raja

yang diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Abdullah bin Mohd. Salleh dan kepada Yang Berbahagia Datuk Abdul Aziz bin Zakaria, Tuan Haji Abdul Rahman Pilus, Encik S. Veloo, Encik Kamaruzaman Shariff, Encik Tan Eng Guan dan kakitangan-kakitangan Sekretariat itu. Mereka selalu bekerja hingga sampai pukul 3.00 atau 4.00 pagi untuk menyediakan cetakan-cetakan mesyuarat dan kertas-kertas kerja untuk Jawatankuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan penting dalam membuat keputusan ini ialah samada Malaysia mampu untuk memberi keutamaan yang lebih untuk membayar gaji kakitangannya, tanpa menghiraukan jumlah yang patut didapati untuk keutamaan sosial dan ekonomi bagi mereka yang berpendapatan rendah. Jawapan Kerajaan adalah jelas, dan tidak dapat menerima perakuan-perakuan Lapuran Ibrahim Ali itu. Dalam membuat keputusan ini semua faktor telah ditimbang, terutama sekali tanggungjawab untuk menentukan bahawa mereka dalam kumpulan rendah adalah mendapat faedah yang lebih dari penyusunan semula ini berbanding dengan mereka yang bergaji tinggi. Kerajaan berasa yakin bahawa Dewan ini akan bersetuju dengan pandangan itu.

Kerajaan tidaklah mengatakan bahawa perakuan yang terkandung di dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet ini adalah lengkap. Oleh kerana Lapuran ini mengandungi berbagai-bagai perakuan perkhidmatan yang bersangkutan-paut, tentulah terdapat beberapa "anomalies" di dalam perlaksanaannya. Kerajaan akan bersedia untuk menimbangkan perkara ini dan membuat pindaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dikemukakan dan telah disokong. Sekarang terbuka untuk perbahasan.

Saya sukacita benar melihat Ahli Yang Berhormat dari Kepong bersusah payah menghadirkan diri pada persidangan yang mustahak petang ini. Saya ucapkan selamat dan berharap beliau akan bertambah baik dari sehari ke sehari. Oleh sebab keuzuran beliau baru-baru ini belum lagi cukup 100% pulih saya menjemput dan memberi peluang

kepada Ahli Yang Berhormat itu bercakap dahulu dan saya izinkan beliau bercakap sambil duduk. (*Tepuk*).

3.53 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sebelum saya bercakap tentang usul itu, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, rakan-rakan saya di dalam pihak oposisi dan di dalam Barisan Nasional yang telah menghantar perkarangan bunga, tali-gram dan melawat saya juga. Khususnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang telah melawat saya dan menghantar karangan bunga juga.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Nik Ahmed Kamil yang telah menghantar karangan bunga dan melawat saya di Hospital Universiti.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua kakitangan di Hospital Universiti, doktor-doktor, jururawat-jururawat dan physiotherapists yang telah bekerja bersungguh-sungguh untuk merawat saya.

Tentang usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya hendak menyatakan mengapakah Kerajaan hendak mencepatkan perbahasan ini, mengapakah Kerajaan tidak memberi masa yang cukup dan lengkap bukan kepada semua Ahli Dewan Rakyat ini tetapi kepada rakyat di seluruh negara kita seperti yang disebutkan oleh Persatuan Sekerja kelmarin, mereka telah menyeru Kerajaan supaya memberi mereka masa 2 minggu untuk mengkaji lapuran daripada Jawatankuasa Kabinet. Ini bukan kali yang pertama Kerajaan tidak memberi masa yang cukup dan lengkap kepada Dewan ini supaya kita boleh mengkaji perkara-perkara yang penting yang kita bahaskan di dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bukan Ahli-ahli di dalam Dewan ini tetapi rakyat di seluruh negara kita sedar Kerajaan berkehendakkan the stand of legality atas

perbuatan Kerajaan. Kerajaan ingin melaksanakan rancangan yang disediakan oleh Jawatankuasa Kabinet. Kalau kita diberi masa yang cukup untuk mengkaji laporan daripada Jawatankuasa Kabinet sedalam-dalam dan telitinya, kita boleh memberi syor-syor atau cadangan-cadangan yang sesuai. Tetapi bagi saya sendiri, saya katakan di sini tiada apa-apa laporan yang diletakkan di hadapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak sebut ialah tentang credibility Kerajaan. Kita sedar lebih 15 tahun dahulu apabila kakitangan pos hendak mogok, Kerajaan telah melantik Professor Ungku Aziz sebagai sole arbitrator untuk menyelesaikan perselisihan itu. Apabila Professor Ungku Aziz membuat laporannya malangnya laporan itu ditolak oleh Kerajaan. Kerajaan pada masa itu walaupun Kerajaan Perikatan adalah sama dengan Kerajaan Barisan Nasional. Kita dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri petang ini menyatakan Kerajaan telah menolak Laporan daripada Suruhanjaya Gaji Di Raja yang diketuai oleh Ibrahim Ali. Begitu juga kita dengar Kerajaan telah menolak Laporan semula Suruhanjaya Gaji yang diketuai oleh Ibrahim Ali juga. Ini bermakna, Kerajaan telah membentuk Suruhanjaya Di Raja tetapi menolak laporannya.

Kalau Kerajaan berbuat demikian, bagaimanakah Kerajaan boleh dapati kepercayaan daripada pekerja-pekerja di tanahair kita, dan daripada tahun 1975 Consumer Price Index (C.P.I.) telah meningkat 45%. Ini bermakna, cost of living telah dinaikkan kepada 45%. Ini menunjukkan Kerajaan perlu meninggikan gaji kakitangannya. Dan oleh itu Kerajaan pada bulan Mei tahun 1975 telah membentuk suatu Suruhanjaya Di Raja yang diketuai oleh Tan Sri Ibrahim Ali. Dan apabila Laporan itu disediakan di antara recommendation itu ialah Ketua Setiausaha Negara mendapat gaji \$8,000 dan begitu juga kakitangan yang di bawah mendapat kenaikan juga. Begitu juga kakitangan diberi elaun perumahan sebanyak 17½% tetapi seperti yang disebutkan oleh saya tadi apabila Kerajaan menerima Laporan itu, Kerajaan menolak Laporan itu dan menyuruh Tan Sri Ibrahim Ali semak atau revise Laporannya.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya ingat Tan Sri Ibrahim Ali telah buat dan pada akhir tahun 1975, The Revised Version of the Tan Sri Ibrahim Ali Report telah dihantar kepada Kerajaan. Kita dengar daripada Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri, cadangan-cadangan yang mengandungi di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet lebih baik daripada Revised Version of Ibrahim Ali.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau sekiranya cadangan daripada Jawatankuasa Kabinet lebih baik daripada Revised Version of Ibrahim Ali, mengapakah cadangan itu tidak diterima oleh Kesatuan Sekerja kelmarin? Kalau itu benar, saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menasihatkan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja pergi diperiksa oleh psychiatrist di Universiti Malaya oleh sebab cadangan yang diberi oleh Kerajaan lebih baik, lebih tinggi, lebih sesuai daripada Revised Version of Ibrahim Ali.

Tuan Yang di-Pertua, pada pertengahan tahun 1976 Kesatuan Sekerja kita tidak berpuas hati dan mereka berkehendakkan mogok. Kerajaan kata sabar, sabar, perkara ini penting. Perkara ini besar dan perlu dikaji sedalam-dalamnya oleh Kerajaan, beri kita enam bulan. Ini didapati persetujuan daripada Kesatuan Sekerja dan baru-baru ini kita diberi Laporan daripada Jawatankuasa Kabinet. Tetapi dalam masa yang Kerajaan memeriksa cost of implementation, perkara yang paling besar, kita dapati dua angka—satu daripada Kerajaan yang menyatakan cost of implementation ialah \$500 juta lebih dan Kesatuan Sekerja katakan cost of implementation ialah cuma \$330 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang angka-angka daripada tiga pihak. Satu daripada Kerajaan, satu daripada Kesatuan Sekerja, satu daripada Jawatankuasa yang diketuai oleh seorang bebas iaitu Datuk Ahmad Noordin, Auditor-General.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pemindahan itu, Kerajaan kena membayar hampir \$243.8 juta. Datuk Ahmad Noordin kata, itu cuma \$170 juta; kata Kesatuan Sekerja sebanyak \$163.7 juta. Sebagai perbezaan antara ketiga-tiga pihak saya berpendapat walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata pada hari ini ada 566,895 orang kakitangan, tetapi ini tidak diberitahu kepada kedua-dua pihak, iaitu Datuk Ahmad Noordin dan Kesatuan Sekerja. Oleh itu timbullah perbezaan antara ketiga-tiga pihak.

Tentang perumahan, saya berpendapat angka Kerajaan ialah \$270 juta, angka-angka Datuk Ahmad Noordin ialah \$231 juta dan Kesatuan Sekerja ialah \$170 juta. Perbezaan ini juga, saya berpendapat oleh kerana Kerajaan tidak tahu berapa rumah Kerajaan ada dan berapa disewakan. Oleh itu timbullah perbezaan antara angka-angka yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan ada angka-angka tentang rumah-rumahnya, bukan rumah-rumah Kerajaan Persekutuan sahaja tetapi rumah-rumah Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun yang diberi sebagai tempat kediaman untuk kakitangannya, saya percaya kita tidak ada mencukupi komputer. Kita boleh buat angka costing yang berpatutan. Oleh itu, saya mencadangkan kalau sekiranya kita tidak dapat persetujuan daripada Kesatuan Sekerja, Kerajaan boleh mewujudkan suatu Jawatankuasa Bebas untuk mengkaji semula cost of implementation dan memberikan kepada Jawatankuasa Bebas ini semua details atau butir-butir yang lengkap supaya kita boleh menghapuskan perselisihan antara Kerajaan dan Kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan apa-apa kenaikan gaji yang Kerajaan akan diberi kepada pihak kakitangannya Kerajaan mesti ada kemampuan untuk membayarnya. Itu saya bersetuju. Pandangan itu saya berharap Kesatuan Sekerja juga bersetuju. Apa yang mereka tidak bersetuju ialah mereka berpendapat Kerajaan ada kemampuan untuk membayar walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi menyatakan pada tahun 1980 kita akan dapati \$355 juta lebih deficit tentang "current account".

Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan yang saya akan buat ialah untuk mengurangkan inflasi dan untuk menolong Kerajaan membayar tunggakan ialah Kerajaan tidak payah memberi wang semua kepada kakitangan, tetapi Kerajaan boleh membayar "bond" yang boleh ditunaikan bukan sekarang, barangkali lima tahun, sepuluh tahun yang akan datang. Kalau Kerajaan berbuat demikian soal inflasi tidak akan timbul dan Kerajaan boleh ada kemampuan untuk membayar kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sepenuhnya tentang nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada semua lapisan masyarakat iaitu janganlah mereka oleh sebab ada bayaran begitu besar kepada kakitangan Kerajaan, mereka menaikkan harga barang-barang di tanahair kita. Saya harap semua lapisan masyarakat yang berniaga di tanahair kita mengambil perhatian apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kata Kerajaan sentiasa menyayangi kakitangan yang bergaji rendah. Itu saya sendiri mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi apa yang diberi kepada pekerja I.M.G. yang begitu banyak bekerja di dalam Kerajaan ialah \$195 sebulan. Marilah kita kaji gaji itu. Pada masa sekarang seorang pekerja mendapat \$115. Mereka mendapat \$30 special Relief Allowance. Jumlahnya jadi \$145 dan mereka mendapat bonus satu tahun katalah \$10. Jumlahnya \$155 dan mereka dapat Housing Allowance 15% bermakna \$22, \$22 dicampur \$145, jumlahnya telahpun \$167. Perbezaan antara \$195 dan \$167 bukan begitu besar. Ini bermakna what the Government gives by one hand, it takes out from another pocket. Oleh itu, bagaimanakah gaji yang dicadangkan oleh Kerajaan sebanyak \$195 sesuai untuk kakitangan yang begitu rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Kesatuan Sekerja di tanahair kita sekarang—ini pandangan saya dan saya rasa tentulah Kerajaan juga sedar iaitu Kesatuan Sekerja di tanahair kita sekarang ini mereka are in a fighting mood. Mereka telah menjadi militant. Buktinya apabila mereka bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mereka tidak mahu membawa cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet. Itu menunjukkan Kesatuan Sekerja sangat tidak berpuas hati atas apa langkah-langkah yang telah dibuat dan diambil oleh Kerajaan. Saya berpendapat dan Kesatuan Sekerja juga sedar kalau sekiranya "collision course" ini tidak diselesaikan, Kerajaan akan mengambil beberapa langkah untuk menahan Kesatuan Sekerja. Yang pertama ialah to declare strike is illegal. Yang kedua ialah to declare a state of Emergency.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya kalau Kerajaan tidak dapat menyelesaikan perkara ini dengan Kesatuan Sekerja dan Kerajaan

mengambil kedua-dua langkah yang disebutkan oleh saya ini boleh menjadi setback yang terbesar di tanahair kita. Saya berharap kedua-dua pihak boleh bersabar bercakap dan jangan mengambil tindakan yang begitu keras dan yang boleh set back the progress of this country.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian iaitu Kerajaan menyatakan Kerajaan akan mewujudkan satu masyarakat adil. Ini bermakna Kerajaan akan membela nasib kakitangannya, khasnya kakitangan yang bergaji rendah. Begitulah saya berharap Kerajaan boleh sentiasa menjaga nasib kakitangannya.

4.20 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, sesudah saya mendengar ulasan-ulasan dan huraian yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya mengambil beberapa kesimpulan.

Yang pertama, saya menaruh keyakinan dan kepercayaan bahawa Kerajaan kita tidak akan menghampakan harapan kaum-kaum pekerja untuk mendapat gaji yang lumayan jika benar-benar Kerajaan mempunyai kemampuan untuk menemui apa juga bayaran-bayaran yang direkomenkan oleh Lapuran Ibrahim Ali. Yang keduanya, saya mendapat tahu kesimpulan bahawa Suruhanjaya Ibrahim Ali itu telah membuat recommendationnya di luar daripada Terms of Reference yang telah diberi kepada Suruhanjaya tersebut. Yang ketiga, kesimpulan saya ialah pekerja-pekerja yang benar-benar mengutamakan kepentingan negara jikalau mereka mengetahui apakah sebenarnya kandungan Lapuran Jawatankuasa Kabinet tentu mereka akan menerimanya. Dan apa yang menarik perhatian saya ialah keterangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa di masa pertemuan ataupun perjumpaan dengan wakil-wakil Kesatuan Sekerja semalam atau dahulu semalam, sikap mereka yang telah meninggalkan bilik perjumpaan dan meninggalkan buku-buku yang telah disediakan untuk mereka ambil, kaji, selidik dan membuat satu counter-offer. Ini pada pendapat saya sungguhpun ada keterangan daripada mereka bahawa mereka meninggalkan adalah kerana tidak mempunyai mandat daripada pekerja-pekerja, tetapi pada diri saya ini adalah satu perbuatan yang kurang sopan

sedikit. Pada orang kita Melayu, kalau orang memberi sesuatu, baikpun kita tidak suka, kita terima. Jadi dengan sikap-sikap yang begini bongkak, saya percaya jika perkara ini diterangkan dengan seluas-luasnya kepada pekerja-pekerja maka mereka akan menerima dan tidak boleh kita mengakui bahawa wakil-wakil Kesatuan Sekerja itu sebenarnya mewakili sebagaimana yang didakwa oleh mereka 500,000 pekerja-pekerja di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri, iaitu kepentingan negara adalah suatu perkara yang hendak diutamakan dari kepentingan sendiri. Saya juga berpendapat bahawa tidak boleh apa-apa satu benda ataupun kebendaan yang boleh melebihi dan mengatasi kepentingan negara. Saya tidak hendak ulas dollars and cents yang terlibat di dalam perkara-perkara ini kerana sudah diterangkan tetapi memadailah saya mengatakan bahawa jika kita menerima 100 peratus apa yang direkomenkan oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali negara kita akan bengkerap. Sudahlah beberapa orang Menteri kita, termasuk Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kita sendiri, pergi ke beberapa negara untuk meminjam wang dan sebagainya, untuk hendak membangunkan negara kita, untuk hendak memberi kebajikan kepada rakyat, untuk hendak membawa faedah kepada semua rakyat tetapi jika jutaan ringgit yang diperlukan, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat itu, kita bayar mengikut apa yang dilapurkan di dalam Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali ini, negara kita akan menghadapi satu masalah yang besar dan saya tidak hairan mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memanggil suatu mesyuarat khas pada hari ini dan esok untuk membincangkan perkara-perkara ini. Ini kerana perkara yang hendak kita bincangkan adalah perkara yang menentukan samada negara kita boleh bengkerap atau tidak. Jadi sikap kita pada hari ini adalah untuk memandang bahaya-bahaya yang kita hadapi ini adalah juga satu bahaya yang serupa dengan bahaya kita menentang kominis-kominis di dalam hutan atau di bandar-bandar sebagaimana kita berperang berhabis-habisan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada dakwaan daripada Wakil-wakil Kesatuan Sekerja bahawa mereka tidak hendak menerima Lapuran Jawatankuasa Kabinet ini

kerana ini adalah satu lapuran berasingan dengan Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali tetapi mereka lupa agaknya bahawa lahirnya Lapuran Jawatankuasa Kabinet ini adalah daripada perut Lapuran Ibrahim Ali. Saya tidak boleh mengatakan bahawa ini satu lapuran yang berasingan kerana ini sudah dikupas oleh Jawatankuasa Kabinet daripada perut Lapuran Ibrahim Ali maka lahirnya lapuran yang ada pada kita sekarang. Oleh yang demikian, dakwaan yang mengatakan ini adalah satu perkara yang berlainan tidak boleh menjadi alasan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah mendengar berkenaan dengan sikap Kerajaan kita yang mementingkan kebaikan dan faedah pekerja-pekerja di peringkat bawah. Telah diperkatakan bahawa di dalam recommendation yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Suruhanjaya Ibrahim Ali gajinya adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan gaji yang direkodkan oleh Jawatankuasa Kabinet dan kebanyakannya pula lebih iaitu pendapatan yang direkomendasikan oleh Jawatankuasa Kabinet itu akan dikira apabila kita hendak menghitung pencen-pencen pekerja-pekerja ini kelak. Ini adalah satu bukti bahawa, sungguhpun barangkali di dalam peringkat-peringkat atas Division I dan II ada kekurangan iaitu lebih rendah daripada apa yang direkodkan oleh Jawatankuasa Ibrahim Ali, tetapi pada peringkat bawahnya, pekerja-pekerja biasa akan mendapat faedah yang lebih daripada Lapuran Ibrahim Ali.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada Lapuran Jawatankuasa Kabinet di muka 124, di bawah kepala Honorarium, para 4 (10). Apa yang saya perhatikan di sini, saya minta izin membaca dalam bahasa Inggeris kerana lapuran ini dalam bahasa Inggeris:

"We are of the view that the payment of Honorarium to employees who are attached to the permanent Secretaries such as the ASEAN Secretariat and the Parliamentary Service should be withdrawn."

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang semuanya di dalam Parlimen ini dan kita berasa bahawa pekerja-pekerja di Parlimen menyediakan Hansard ini, kalau hari ini kita berucap, esok sudah tersedia, kerana mereka ini bekerja lebih daripada masa biasanya dan diberi bayaran elaun honorarium atas tugas-tugas yang luar biasa ini.

Jika misalnya bayaran elaun ini ditarik, maka tidaklah nanti ada insentif bagi pekerja-pekerja ini bekerja. Kita juga nanti akan bersungut mengapa Hansard kita dua minggu selepas kita bersidang baru disediakan dan macam-macam lagi nanti sungutan-sungutan didengar. Saya harap perkara ini mendapat perhatian daripada Jawatankuasa Kabinet supaya diperbetulkan dan saya percaya ada lagi terselit di sana-sini beberapa pandangan-pandangan dan juga tawaran-tawaran yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet ini yang tidak berapa menguntungkan beberapa pekerja-pekerja di Jabatan-jabatan. Ini juga hendaklah diambil perhatian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh keluar apa-apa yang terselit itu?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya hanya memandang apa yang terselit di Parlimen, jadi tidak ada masa saya hendak memandang pada lain-lain Jabatan, tetapi saya percaya semua rakan-rakan saya pada tiap-tiap Jabatan itu akan dikajinya, saya hanya mengkaji berkenaan dengan Parlimen sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga suka membawa perhatian Jawatankuasa Kabinet ini kerana ada diperkatakan bahawa recommendation yang dibuat oleh mereka, yang dipetik oleh mereka daripada Lapuran Jawatankuasa Ibrahim Ali mengecualikan anggota Polis dan Tentera. Saya berharap mereka inipun sesudah sahaja, insya Allah, recommendation Jawatankuasa Kabinet ini kelak diterima oleh pekerja-pekerja menyegerakan pula supaya anggota-anggota Tentera dan juga Polis dapat sedikit-sebanyak kenaikan gaji seimbang dengan beban dan tanggungjawab yang mereka hadapi menghapuskan komunisme dan anasir-anasir jahat seperti yang ada sekarang.

Saya sangat-sangat tertarik hati di atas peringatan dan teguran yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu ditujukan oleh beliau kepada peniaga-peniaga yang kelak akan mengambil kesempatan menaikkan harga sesudah mendapat tahu pekerja-pekerja di negara kita ini akan menerima tunggakan (arrears) daripada gaji mereka. Saya berharap kerana ada contoh-contohnya Yang Amat Berhormat sendiri mengakui di masa-masa yang lampau teguran, nasihat dan appeal sahaja tidak akan membawa kesan kepada peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan ini.

Saya berharap sesudah ada sahaja tanda-tanda bahawa pekedai-pekedai dan peniaga-peniaga ini mengambil kesempatan hendaklah pihak-pihak yang berkenaan mengambil tindakan sewajarnya, tindakan yang boleh membawa contoh kepada peniaga-peniaga yang lain daripada menaikkan harga, menyorokkan barang dan sebagainya.

Saya suka membawa perhatian Dewan ini kepada satu statement yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat. Di antara lain, beliau mengatakan bahawa ada segolongan peniaga-peniaga, kaum-kaum pemodal di negara ini yang memandang hanya kepada segi keuntungan tetapi memberi pertimbangan yang kecil kepada kebaikan dan perkara-perkara sosial. Jika Yang Berhormat Menteri ini sedar dan tahu mereka yang bersikap demikian, maka hendaklah juga tindakan sewajarnya diambil kerana negara kita sedang membuat beberapa rancangan dan kita meminta beberapa kali supaya golongan swasta juga, terutama kaum-kaum pemodal dapat contribute kepada pembangunan negara kita. Mereka ini jika tidak hendak memandang berat kepada appeal yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri-menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka hendaklah juga tindakan sewajarnya diambil.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan dan teguran-teguran dari saya dan saya dengan sukacitanya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan itu, saya juga berharap pihak pekerja yang benar-benar mementingkan kepentingan negara akan dapat bersama kita menyokong Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang sedang kita bincangkan sekarang.

4.38 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dua lapuran yang tebal ini disediakan oleh Kerajaan dalam bahasa Inggeris dan juga oleh kerana masa yang singkat, saya minta izin dalam perbahasan ini bercakap dalam bahasa Inggeris, jikalau boleh, di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh dibenarkan tetapi sedikit-sedikit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin membantah dengan sekeras-kerasnya terhadap cara dan

tujuan untuk mengadakan mesyuarat tergepar Parlimen ini. Ahli-ahli Parlimen telah menerima sepucuk taligrem lewat petang Sabtu yang memanggil mereka hadir mesyuarat tergepar Parlimen yang akan diadakan tiga hari nanti. Tidak ada sebarang kertas atau dokumen diberi dan tujuan untuk mengadakan mesyuarat tersebut pun tidak diberitahu. Sebilangan besar Ahli-ahli Parlimen cuma menerima Lapuran Gaji Ibrahim Ali yang setebal 400 muka dan Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang setebal 280 muka hanya apabila mereka datang ke Parlimen pada hari ini, dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong belum pun menerima lapuran-lapuran tersebut. Adalah nyata Ahli-ahli Parlimen yang bertanggungjawab tidak dapat membincang dan membahaskan dengan bijaknya kedua-dua lapuran ini dalam keadaan seumpama ini, malahan tidak ada masa yang cukup untuk membahaskan lapuran-lapuran ini.

Pihak Kerajaan dengan seluruh jentera di belakangnya telah mengambil masa 18 bulan untuk mengkaji Lapuran Ibrahim Ali, tetapi Ahli-ahli Parlimen sebagai supreme legislators di tanahair kita tidak diberi masa yang cukup, bukan sahaja untuk meneliti tetapi untuk membacanya.

Di sini adalah wajar bagi saya untuk menyatakan rasa terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana beliau telah menemui saya pada petang kelmarin dan menerangkan sebab-sebab mengapa mesyuarat tergepar Parlimen diadakan. Beliau juga telah memberikan saya lapuran-lapuran dan kertas-kertas yang relevant. Meskipun saya telah berusaha membaca sehingga larut malam tadi, tetapi saya masih belum lagi habis membaca kedua-dua Lapuran Ibrahim Ali dan Lapuran Mahathir ini dan sehingga sekarang ini, saya terpaksa berkejar di antara satu sama lain oleh kerana belum memahami dengan sedalam-dalamnya dalam masa yang sangat singkat. Ahli-ahli Parlimen harus diberi sekurang-kurangnya seminggu untuk mengkaji lapuran-lapuran yang sangat tebal ini dengan implikasi-implikasi dan consequent-consequent yang begitu besar.

Cara memanggil mesyuarat Parlimen seperti ini adalah langsung tidak menghormati Parlimen, tetapi sebaliknya melayankannya dengan penghinaan. Cara memanggil Parlimen seperti ini menunjukkan pihak Kerajaan tidak menyangka yang Ahli-ahli

Parlimen akan membuat homework mereka. Tetapi sebaliknya Kerajaan berharap mereka akan datang ke Parlimen untuk menjadi pak turut dan membuat keputusan mengenai issue-issue sebagaimana mereka diarahkan. Saya tidak ragu-ragu untuk menyatakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional telahpun diarahkan berbuat demikian. Walaupun saya berani menyatakan di sini tidak ada seorang pun yang telah memahami dengan sedalam-dalamnya kedua-dua lapuran-lapuran tersebut kerana tidak ada seorang pun yang boleh memahami kedua-dua lapuran tersebut diberi dalam masa yang begitu singkat. Saya juga menyoalkan tujuan memanggil mesyuarat tergepar Parlimen ini. Saya tidak bersetuju dengan pandangan-pandangan yang telah dilahirkan oleh beberapa orang pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang menyatakan bahawa tuntutan gaji-gaji oleh pekerja-pekerja awam tidak menjadi hal kepada Parlimen atau ahli-ahli politik, tetapi ianya adalah satu perkara di antara majikan dengan pekerja sahaja.

Beberapa bulan dahulu pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja telah menyeru ahli-ahli politik untuk mind your business and not poke your nose dalam perkara Lapuran Gaji Ibrahim Ali. Mereka berpendapat issue Lapuran Ibrahim Ali adalah satu perkara untuk Kerajaan dan Kesatuan-kesatuan Sekerja menyelesaikannya dan ianya tidak kena-mengena langsung dengan politik. Saya telah secara am membidas konsep yang salah ini yang tersemat dalam fikiran pemimpin-pemimpin Kesatuan-kesatuan Sekerja ini tentang perhubungan pisahan antara politik dengan Kesatuan-kesatuan Sekerja, kerana konsep ini bukan sahaja salah bahkan dalam masa jangka panjang juga akan merbahaya dan amaran saya itu kini telah terbukti. Sebarang pihak tidak boleh mencabar hak dan tanggungjawab Parlimen untuk membincang issue-issue seperti Lapuran Ibrahim Ali dan Lapuran Mahathir, tetapi apa yang saya mencabar dan juga Kesatuan-kesatuan Sekerja serta rakyat Malaysia akan mencabar atau menyoalkan ialah tujuan untuk memanggil sidang tergepar Parlimen ini dengan cara tergopoh-gapah yang memerlukan Ahli-ahli Parlimen mengambil satu

pendirian apabila masa yang diberi kepada mereka tidak akan membenarkan mereka memahami kedua-dua lapuran tersebut dan juga perbezaan-perbezaan di antara Kerajaan dengan CUEPACS. Saya mengakui apabila berlakunya krisis-krisis kebangsaan secara mengejut akan menjadi perlu bagi Kerajaan untuk memanggil Parlimen bermesyuarat dengan cuma memberi masa selama 24 jam notis, supaya mereka dapat mengambil tindakan dan keputusan yang segera. Apakah tuntutan-tuntutan CUEPACS mengenai Lapuran Ibrahim Ali merupakan satu krisis kebangsaan, yang negara kita terpaksa assume satu keadaan krisis kebangsaan? Bukankah Ahli-ahli Parlimen akan dapat membahaskan dengan lebih bijak jika mesyuarat ini diadakan, misal katakan dalam masa dua minggu nanti supaya Ahli-ahli Parlimen akan dapat masa untuk mengkaji kedua-dua Lapuran tersebut. Alasan yang diberi oleh Kerajaan untuk mengadakan mesyuarat tergepar Parlimen ini ialah kerana kemungkinan seramai 500,000 orang pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan perusahaan pada 31hb Januari.

Pada kebetulannya, Kerajaan pada masa ini nampaknya sengaja mencipta satu keadaan atau suasana crisis national dengan menghantarkan anggota-anggota Pasukan Keselamatan ke perusahaan-perusahaan perlu. Saya tidak tahu bagaimana seorang Menteri dengan serius dan jujur menganggap Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam CUEPACS akan mogok atau mengambil tindakan perusahaan pada 31hb Januari, bahawa pada hari itu sebagaimana sebuah akhbar juga telah beri dalam editorialnya berkata bahawa tidak akan terdapat bekalan elektrik, tidak akan terdapat air untuk minuman, tiada perkhidmatan talipon, hospital tidak akan dibuka, dan sekolah akan ditutup; ini tersiar dalam editorial-editorial pada bulan Oktober tahun lalu. Tentulah Yang Berhormat Menteri Buruh memahami Undang-undang Buruh yang beliau mentadbirkan kerana menurut Fasal 43 (1) Akta Pertubuhan Perusahaan (Industrial Relations Act) menyebut:

"no person employed in a public utility service shall go on strike in breach of contract.

(a) without giving to the employer notice of strike, as hereinafter provided, within six weeks, specified in any such notice as aforesaid.

- (b) within fourteen days of giving such notice; or
- (c) before the expiry of the date of strike specified in any such notice as aforesaid."

Notis mogok yang pihak CUEPACS atau Kesatuan-kesatuan Sekerja yang bergabung dengannya telah dihantarkan kepada pihak Kerajaan pada suku akhir tahun lalu, tetapi telah ditarik balik selepas diadakan mesyuarat-mesyuarat di antara CUEPACS dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jika sekiranya CUEPACS ingin mengambil tindakan perusahaan atau permogokan kebangsaan, mereka terpaksa mendapat mandat baru daripada Kesatuan-kesatuan Sekerja yang bergabung di dalamnya dan mengeluarkan notis-notis mogok baru kepada Kerajaan. Ini bererti tidak mungkin dari segi undang-undang satu tindakan mogok atau industrial action pada 31hb Januari yang memaksa Parlimen mengadakan mesyuarat tergepar dan bersidang pada hari ini dan esok. Apa-apa alasan yang Kerajaan mungkin melapurkan terhadap pemimpin-pemimpin CUEPACS, saya rasa Kerajaan tidak boleh menuduh mereka sebagai berkebolehan untuk mengadakan mogok-mogok yang haram. Apa yang menyedihkan ialah tindakan Kerajaan sekarang ini dengan menolak secara unilateral janjinya kepada pekerja-pekerja Kerajaan. Ini mungkin mengujutkan satu suasana di mana pihak-pihak atau golongan-golongan yang desperate dalam Perkhidmatan Awam akan melancarkan tindakan mogok yang haram. Saya harap perkara ini tidak akan timbul akibat oleh kerana tindakan-tindakan unilateral sendiri oleh pihak Kerajaan. Oleh yang demikian, pemanggilan mesyuarat tergepar Parlimen ini bukanlah bermakna Malaysia kini menghadapi krisis kebangsaan memandangkan kepada tindakan perusahaan yang mungkin dilancarkan oleh 500,000 pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam, tetapi kerana Kerajaan hendak menggunakan Parlimen untuk menakutkan Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Mutu Parlimen adalah direndahkan apabila ianya digunakan untuk tujuan seperti ini. Apa yang Kerajaan ingin membuat ialah untuk memberikan pihak CUEPACS satu *fait accompli* bahawa Parlimen telah menolak tuntutan-tuntutan CUEPACS mengenai Laporan Ibrahim Ali dan jika sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri bersedia menimbangkan semula mereka tidak mempunyai kuasa atau mandat untuk berbuat demikian oleh kerana keputusan Parlimen. Ini adalah satu precedent yang amat tidak sihat dalam collective bargaining. Dan ianya mengeneipkan prinsip utama yakni perkara-perkara berkait dengan gaji Perkhidmatan Awam patut dirundingkan secara bersama dengan kedua-dua pihak berkenaan. Mungkin ini adalah kali pertama satu-satu Kerajaan dalam sebuah negara yang masih mengatakan kepercayaannya dalam prinsip collective bargaining dan amalan demokrasi berparlimen secara unilateral memutuskan hasil perundingannya dengan syarat-syarat Perkhidmatan Awam dengan menyampaikan satu *fait accompli* berparlimen. Ini adalah kerana di Malaysia Kerajaan bergantung kepada suara majoritinya dalam Parlimen yang tidak berfikir dengan sedalam-dalam dan seluas-luasnya dan juga oleh kerana tidak terdapat perwakilan luar mereka yang mewakili kepentingan buruh-buruh di dalam Parlimen. Parlimen walaupun merupakan tempat yang sewajarnya, venue yang patut untuk membincangkan syarat-syarat gaji pekerja-pekerja Kerajaan, tetapi tidak seharusnya campur-tangan dalam perundingan yang masih berjalan, on-going negotiations, on-going discussions antara pihak Kerajaan dengan pihak pekerja-pekerja. Dengan cara begini, jika inilah hakikatnya, maka adalah wajar di masa hadapan pihak CUEPACS patut berunding dengan Parlimen sahaja dan bukan dengan Kerajaan, lebih baik begini dalam masa hadapan, CUEPACS negotiate dengan Parlimen dan Tuan Yang di-Pertua mengetua Parlimen dalam perundingan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat dalam hal ini, terus tuju kepada apa yang dibentangkan dalam soal ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, percubaan pihak Kerajaan untuk membentangkan kepada CUEPACS satu *fait accompli* keputusan Parlimen adalah dianggap oleh pihak CUEPACS dan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam sebagai perbuatan "breach of faith" dalam perkara Ibrahim Ali Report.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, when the Ibrahim Ali Commission was appointed by the Yang di-Pertuan Agong with effect from

1-1-1975 to enquire, review and co-ordinate the emoluments and terms and conditions of service that had been implemented following the recommendations of the previous Salary Commissions appointed by the Government, CUEPACS was unhappy about it. CUEPACS felt at that time that another Commission would not serve much purpose. There was much undone business especially arising from the Harun Commission findings and arising from other Commissions, and the CUEPACS felt that the best way to resolve these was by discussions and negotiations of both parties. However, the CUEPACS reluctantly allowed themselves to be persuaded and agreed to give the fullest co-operation to the Ibrahim Ali Commission.

Tadi seorang Ahli Yang Berhormat telah berkata Ibrahim Ali Commission telah terkeluar daripada terms of reference. I think it is important atau mustahak, kita faham, terms of reference of the Ibrahim Ali Commission. It was given very wide terms of reference, viz.,

- (1) To review the principles adopted by all the previous Salaries Commissions and Committees, namely, the Suffian Commission, the Harun Commission, the Aziz Commission, the Sheikh Abdullah Committee Report and the Tun Aziz Report giving the conditions of service and remunerations and co-ordinate between them and finally to recommend common principles to be adopted for all;
- (2) In the light of such principles, to review and co-ordinate, periodically as may be found necessary, remuneration and conditions of service of all the categories of employees mentioned and to recommend the mode of conversion to any revised salary scales that may be recommended;
- (3) To recommend the effective dates of implementation of any revised remuneration and conditions of service and in so doing, to give priority to employees in the lower income group;
- (4) To advise the Government on matters relating to remuneration and conditions of service in the public sector, that may be referred to it from time to time;
- (5) To collect and collate data relating to pay and conditions of service of employees in the private sector for use

in considering claims for salary increases in the public sector and for purposes of pay research;

- (6) To conduct enquires, inspections and surveys in the execution of its duties.

This high-powered Commission is a Royal Commission, appointed by the Yang di-Pertuan Agong. It submitted its Report to the Government on 6th June, 1975. The Government, after studying the Report, asked the Commission to re-examine its recommendations in view of deteriorating finances.

A Cabinet Committee, comprising at that time the then Deputy Prime Minister Datuk Hussein Onn (now the Honourable Prime Minister) (Chairman), Dr Mahathir Mohamad, Datuk Lee San Choon, Tan Sri V. Manickavasagam and Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof, played an influential role in the formulating of the Revised Ibrahim Ali Report.

The former Prime Minister, the late Tun Haji Abdul Razak, had earlier promised the CUEPACS that when the Ibrahim Ali Commission submitted its Report, the Report would be studied by both the Official and Staff Sides. But this undertaking was broken, and the original Report was never shown to the CUEPACS.

I understand that in formulating the Revised Ibrahim Ali Report, the present Deputy Prime Minister played a prominent part, and, in fact, could be described as the author of the "Grades" from the Ketua Setiausaha Negara down to the IMG grades in the Ibrahim Ali Revised Report, and he went through the scales in detail with Tan Sri Ibrahim Ali.

For instance, I understand that it was the present Deputy Prime Minister who suggested that Ibrahim Ali's original report for the IMG minima of \$140 should be raised to \$150 (as revised), but the original recommendation of \$10 increment a year should be slashed down to \$5. This was done in the Ibrahim Ali Revised Report. Now, in the Mahathir Report, it is claimed that the increment would be \$7.50 a year as compared to the Revised Ibrahim Ali Report of \$5 when it was the Honourable Deputy Prime Minister himself who was responsible for slashing the original Ibrahim Ali Report's recommendation of \$10 to \$5.

In view of Dr Mahathir's prominent part and intimate involvement in the revision of the Ibrahim Ali Report, the CUEPACS leaders and workers are understandably embittered by the Government's refusal to accept the Revised Ibrahim Ali Report.

It is relevant that in the Preface to the Revised Report dated 12-8-1975, the Ibrahim Ali Commission said:

"We have now re-examined the Report and have made certain modifications so as to reduce the total cost of implementation."

When the Government's delay to implement the Ibrahim Ali Revised Report lasted for a year, the CUEPACS's affiliated unions gave a mandate for strike action, but on August 10th, 1976, the Honourable Prime Minister told the CUEPACS that the Government would make a decision on the Ibrahim Ali Report within six months.

I am told that at a meeting between the Honourable Prime Minister and the CUEPACS some time in October last year, the Honourable Prime Minister gave an oral commitment that if the costing of the implementation of the Ibrahim Ali Report would not exceed \$377 million (as maintained by the CUEPACS), the Government would implement the Revised Ibrahim Ali Report *in toto*. Although this commitment was not in writing, CUEPACS leaders feel that an oral commitment by the Honourable Prime Minister should be honoured. They contend that the implementation of the Ibrahim Ali Report would not exceed \$377 million.

Now, out of the blue, the Cabinet Committee has come out with the Mahathir Report, which was presented to the Staff Sides virtually on a "take it or leave it" basis—a unilateral repudiation of the principles of collective bargaining and bilateral discussions and negotiations. On top of it, to tighten the screw, Parliament is now summoned to present a *fait accompli* to the public employees' unions.

This series of breaches of faith will do great damage to industrial relations in the public sector, and is sure to engender bitterness and jeopardise the Third Malaysia Plan developmental efforts.

The Mahathir Report argued that an important feature of its scales is that, despite the factor of extra cost to the Government, they are superior in character, particularly

in regard to the 300,000 employees in the lower categories, either at the starting salary or the maximum salary, most being generally higher than those formulated by the Ibrahim Ali Commission.

In the "Highlights" of the Mahathir Report, it is stated:

"In regard to the lowest category of employees, in particular, the Cabinet Committee has increased the annual incremental rate applicable to such employees from \$5.00 to \$7.50. The Cabinet Committee has also increased the initial salary of such employees from \$150 as recommended by the Ibrahim Ali Commission to \$195."

I have already told the story about the increments.

And with regard to the claim that the Mahathir Report offers better salary scales as compared to the Ibrahim Ali Report, this appears to be illusionary. It is claimed that for the unskilled employees, the Ibrahim Ali scale is \$150 to \$220, while the Mahathir scale is \$195 to \$285, and therefore the Ibrahim Ali scale is an inferior one.

I feel it is not very honest to compare these two scales in this manner, as the Ibrahim Ali recommendations include the payment of bonus and a housing subsidy of an average of 15%, while the Mahathir scale would have done away with both bonus and housing subsidy.

Let us take a practical application—say an IMG worker who is now on the present scale of \$130 to \$150. I understand that at least 80% of the IMG workers are on the maximum of their scales. An IMG worker, who is now drawing \$150, will in addition get a special relief allowance of \$30, an annual bonus (which works out to \$12.50 or one-twelfth of a month's pay) and the total works out to a take-home pay of \$192.50. Under the Mahathir Report, this IMG worker would get \$195.

But under the Ibrahim Ali Report, this IMG worker would be on the \$150 to \$220 scale. However, the Ibrahim Ali Report provides that in conversion, to ensure that a worker does not suffer a reduction in take-home pay, the special relief allowance would be aggregated. This will bring him to \$180. He would continue to get a one-month's bonus, which will be \$15 (or one-twelfth of the

monthly pay), and an average housing subsidy of 15% which will be approximately \$27. This will bring about a total take-home pay of \$222. Although I know that the Mahathir Report also provides for an aggregation of special relief allowance and bonus, it ends up nonetheless at \$195.

Thus an IMG group worker now drawing \$150 on the \$130 to \$150 scale stands to lose \$17 under the Mahathir Report as compared to the Ibrahim Ali Report. And he will only marginally get another \$2.50 extra as compared to the present scale and the Mahathir Report. How can the Cabinet committee claim that it has devised a better deal for the IMG and equivalent category of workers as compared to the Ibrahim Ali Report, when the reverse is actually the case—when we consider the respective take-home pays? In fact, it would appear that the IMG workers are not likely to gain very much in terms of take-home pays than they are now drawing under the Mahathir Report.

If the Cabinet Committee is right that the Mahathir Report offers better salary terms to the lower-salaried public employees, then I ask the Government to let the IMG and equivalent grades of workers to decide for themselves whether they want the Mahathir recommendations or the Ibrahim Ali recommendations. You are talking in terms of the lower-salaried group. You are talking about, "We must look after them, we must be concerned about their salaries." All right. We understand the Government is serious in this matter. All right, let the workers decide. If they believe it is better, I am sure they will want to go for the better scales. I think this is the best solution to the problem. Put it to them whether it will be acceptable to them. The Honourable Deputy Prime Minister is here now (*Ketawa*). This, surely, is the best and most democratic fashion for the determination of this matter, especially as the Cabinet Committee claims that the Mahathir Report is superior to the Ibrahim Ali Report in respect of salary terms of lower grade of workers. Of course, I know that the commuted element of housing is supposed to be pensionable, but leave it to them to decide.

It is also questionable how the Cabinet Committee could have arrived at the figure whereby the conversion costs for Federal employees under the Mahathir Report would reach \$115.3 million, when the actual differences between the take-home pays of

employees at present under the Mahathir Report and what they are drawing now are so negligible, as I illustrated just now.

Has the Cabinet Committee taken into account the savings that the Government will effect from the abolition of the annual bonus under the Mahathir Report, which will be in the region of \$100 million, if I am not mistaken? If it has not been taken into account, then the conversion comes to only about \$20 million.

The Cabinet Committee claims that the cost of implementing the Cabinet Committee's recommendations in 1976 would be \$330 million (from the "Highlights"), which the Government claims is affordable.

What the CUEPACS is asking is also, as I see it, in that region of \$300-plus million. It would appear, therefore, that there is no great difference between the CUEPACS and the Government as to the additional wage bill to be incurred in the salary revisions. What the different parties differ is in the costs of implementing the Ibrahim Ali Report.

I would have thought that if both parties are prepared to accept an increase of the wage bill of over \$300 million, much ground would have been covered, and the talks should not be broken off by any new unilateral action on the part of the Government, which would sow industrial unrest, workers' bitterness and likely retardation to the development efforts of the country.

The Costing Committee, under the Chairmanship of the Auditor-General, Datuk Ahmad Noordin, appeared to have succeeded in clarifying at least one of the two main items in the Ibrahim Ali recommendations. However, the Cabinet Committee did not appear to be very co-operative.

In a letter which the Secretary of the National Joint Council, Statutory Bodies and Local Authorities, Encik R. Kalugasalam, and the Secretary of the National Joint Council Staff Side, Tuan Haji Yahaya bin Mohd. Ali, jointly sent to the Honourable Prime Minister dated 21st January, 1977, they complained, and, with your permission, Sir, I will quote just a few paragraphs.

"When you made the suggestion that the two sides should first meet at the level of a small committee to examine the cost

involved, followed by a meeting with the Cabinet Committee before the final meeting with your good self, the intention obviously was to ensure that details of the cost involved could best be dealt with at the committee levels before the Staff Sides finally meet you.

"Regrettably, the Deputy Prime Minister arranged a meeting of the Cabinet Committee and the National Staff Sides and invited the Press to sit in throughout the meeting—a move which is unprecedented—the objective of which obviously was to use the meeting and the Press to publicise his adamant stand on the cost involved, with little or no intention of finding at that Committee level of discussion, an area of broad understanding of the cost involved, which could have served some positive purpose at the final meeting with your good self.

"As Chairman of the Committee, the Deputy Prime Minister demonstrated complete disregard for the primary purpose of the meeting, which was to make an honest analysis of the various facts and figures that were brought out at the costing discussions and arrive at a closer estimation of what the cost is.

"The attitude of the Chairman of the Cabinet Committee displayed at the meeting held on 15th January, 1977 gave the impression to the members of the National Staff Side that the six months' work at the costing Committee level served no other purpose except as a tactic to delay decision.

"The meeting did not serve the intentions with which you originally suggested at the discussions. On the contrary, the result of the meeting had contributed to a deterioration of the industrial peace."

Tuan Yang di-Pertua, the two main items of costs in the implementation of the Ibrahim Ali Report, which have become bones of contention, are conversion costs and house-rent subsidy.

From the figures given by the Costing Chairman's Report, the Conversion Cost estimated by the various parties are as follows:

<i>Official Side</i>	<i>Staff Side</i>	<i>Datuk Ahmad Noordin's Costing</i>
\$243.8 million	\$163.72 million (which is a revised figure)	\$198 million

The differences between the Auditor-General's and the Staff Side's estimates are, therefore, not large. This is an area where the Government and the CUEPACS should be able to reach agreement on the basis of the Ibrahim Ali Report, unless the Government refuses to accept the Auditor-General's Report about the cost of conversion, which appears to be the case, as publicly stated by the Honourable Deputy Prime Minister.

The other main bone of contention is the house-rent subsidy. The respective costing for this item are:

<i>Official Side</i>	<i>Staff Side</i>	<i>Datuk Ahmad Noordin's Estimate</i>
\$217 million	\$170.2 million	\$261.0 million

The Staff Side has produced what I thought was a very well-argued paper showing the errors of Datuk Ahmad Noordin's costing of the house-rent subsidy.

Unfortunately, it would appear that, apart from the different parties producing their respective costings, no efforts have been made for all the parties to sit together to iron out the differences, which I would have thought was the whole purpose of negotiations and bilateral discussions.

The housing rent subsidy costing difference is also complicated by the differences adopted by the parties as to what percentages of the public employees have not been housed. The Government claims that only 18% of the public employees have been housed while the CUEPACS claim that 35% of the public employees have been housed.

It is clear, and I am prepared to stand here to be contradicted that there are no proper facts and figures with regard to the housing of public employees by the Government.

In view of this, I think it is eminently reasonable on the part of the CUEPACS to propose to the Government—and I understand they have proposed this to the Government—that this question of house-rent subsidy

should be treated separately with a Special Committee being formed to collect the necessary data about housing of public employees, so that costing can be based on surer facts and figures.

In view of this, it is highly regrettable therefore that the Government should unilaterally reject the Ibrahim Ali Report after having led the Unions and the public employees up the garden path that the Government would seriously consider it.

It is clear that even before the Government meeting with the CUEPACS yesterday, it had already decided to act unilaterally. This explains the briefing of the State Chief Ministers and Menteri-menteri Besar on Monday and the calling by sending out telegrams of the emergency Parliament meeting today and tomorrow.

Tuan Yang di-Pertua, the Ibrahim Ali Report is a Royal Commission Report. In fact, the Ibrahim Ali Commission is a permanent body entrusted with the task of keeping the Government salary scales under review. The Government has spent time and money on this Ibrahim Ali Commission Report. In fact, if I am not mistaken, it spends \$1 million a year of public money. All this expenditure, the time and effort not only of the Commission but also of the CUEPACS have all been wasted for no valid ground; and even more important, goodwill has been squandered. I do not know what is going to happen to the Ibrahim Ali Commission or to the Chairman.

But anyway, in setting up this Royal Commission and in repeatedly breaking undertakings and promises to the unions and public employees, and now, in this unilateral fashion in rejecting the Ibrahim Ali Report, when I see that both parties do not differ very greatly in terms of the additional wage cost to be incurred, which is over \$300 million, this action would widen the credibility gap between the Government and its own public employees.

I would feel very sad if this unilateral, hasty, unjustifiable action should lead to considerable industrial unrest.

In view of this, we in the D.A.P. cannot support this Motion and we oppose it because:

- (1) Unilateral action and the presentation of a Parliamentary *fait accompli* in these circumstances where in the first place we M.P.s do not know what it is all about—and I am prepared to challenge here any M.P. to say that he knows what it is all about apart from what is told to him—is not the way to conduct collective bargaining; nor is it the way to promote a contented Civil Service;
- (2) Efforts should continue to be made by both parties in view of the closeness of the additional wage bill agreed to by both parties.

I will only end, Tuan Yang di-Pertua, with again a protest that it is not possible to really do fairness to the Reports which cover wide fields and important principles enunciated by one Report and then denounced by another in such a short time.

5.13 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh di atas usul yang telahpun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Masaalah yang kita bincangkan di Dewan yang berbahagia ini berkenaan dengan tuntutan gaji yang dilakukan oleh CUEPACS ini bukanlah suatu perkara yang baharu, perkara ini telahpun berjalan dengan beberapa lamanya dan banyakkah perundingan-perundingan telahpun berjalan di antara Ketua-ketua CUEPACS dengan Kerajaan dan di sini saya suka hendak mengucapkan tahniah kepada sikap Kerajaan dalam perundingan-perundingan ini yang sentiasa sabar dapat berunding dengan pihak-pihak Ketua CUEPACS ini.

Juga saya suka mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telahpun mengadakan Suruhanjaya Tan Sri Ibrahim Ali yang pada pendapat saya menunjukkan hasrat Kerajaan bersimpati kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan. Pada pendapat saya, Suruhanjaya yang telah didirikan oleh Kerajaan membuktikan betapa besarnya hasrat Kerajaan untuk menambahkan lagi pendapatan kakitangan-kakitangan Kerajaan. Dan pada pendapat saya juga, Tuan Yang di-Pertua, sudah kena

pada Kerajaan mencari ikhtiar dan jalan menambahkan pendapatan kakitangan-kakitangan Kerajaan kerana kakitangan-kakitangan Kerajaan telahpun memberi khidmat yang begitu cemerlang daripada tugas-tugas dan kewajipan yang mereka telah jalankan. Tidak boleh dinafikan bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan telah memberi khidmat yang begitu baik dan cemerlang kepada negara tetapi memang ada segelintir yang kurang memuaskan, itu adalah menjadi lumrah alam tidaklah semuanya dapat memberi khidmat yang begitu baik dan cemerlang.

Saya suka hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah menunjukkan foresight ataupun farsightedness iaitu dapat mengadakan persidangan Dewan ini dengan agak tergepar. Sekiranya persidangan ini tidak diadakan mungkin kalau ditakdirkan Tuhan berlakulah mogok yang telah dijangka maka mungkin agaknya persidangan ini tidak dapat langsung diadakan. Bagaimana Kerajaan hendak menghubungi Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat dan mungkin entah di mana kita hendak bersidang pun tidak tahulah, mungkin bukan di sini kerana agaknya di sini lampu tidak ada, air-condition pun tidak ada dan berbagai-bagai lagi kesulitan yang akan timbul sekiranya berlaku apa yang kita hendak elakkan itu. Tetapi oleh kerana Kerajaan begitu berpandangan jauh maka dapat juga Kerajaan mengadakan persidangan ini dengan agak tergepar juga tetapi memandangkan kepada keadaan-keadaan dan circumstances dan situasi yang mungkin berlaku, saya sendiri berpendapat bahawa Kerajaan bijak mengadakan persidangan tergepar ini sungguhpun saya akuilah hendak membaca buku yang tebal ini mungkin tidak cukup masa, mungkin agaknya terpaksa hendak mengkaji dan membacanya sampai larut malam, tetapi alternatifnya, mungkin tidak ada langsung persidangan Parlimen, langsung tidak dapat kita hendak bincangkan. Di mana lebih baik diadakan persidangan mungkin kita agak tergepoh-gapah terpaksa membaca lapuran yang tebal ataupun tidak ada langsung persidangan dan mungkin Kerajaan terpaksa mengambil satu tindakan tanpa mendapat pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi Ahli Dewan ini. Sekurang-kurangnya dengan ada sidang tergepar ini dapatlah juga kita memberi buah-buah fikiran dan pandangan kita dan kalau tidak ada persidangan ini pada hari ini mungkin Ahli Yang

Berhormat dari Kota Melaka pun tidak dapat hendak memberi ucapan yang begitu baik dan begitu bernas.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menyatakan tadi ucapan terima kasih kepada Kerajaan, kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan, saya juga harus mengucapkan terima kasih kepada Ketua-ketua CUEPACS yang telah begitu bersikap baik, cuba hendak memperjuangkan kepentingan ahli-ahlinya. Ini adalah satu sikap yang patut dipuji tetapi saya harap di dalam mereka memperjuangkan kepentingan ahli-ahli mereka, janganlah pula terlampau enthusiastic sehinggakan terjejas kepentingan negara, ini kadang-kadang berlaku. Kadang-kadang Ketua-ketua di satu-satu kumpulan itu kerana begitu bersimpati, kerana begitu dedicated untuk hendak memperjuangkan kepentingan-kepentingan ahli-ahlinya kadangkala terlupa bahawa ada lagi kepentingan (interest) yang lebih tinggi daripada kepentingan ahli-ahlinya. Di dalam masalah ini tidak boleh dinafikan dan harus kita mengalu-ngalukan dan harus menggalakkan supaya Ketua-ketua memperjuangkan kepentingan ahli-ahlinya, itu harus dan patut. Tetapi apabila berlaku dan sekiranya ada kemungkinan berlaku conflict atau pertentangan di antara kepentingan negara dengan kepentingan kumpulan-kumpulan yang mereka mewakili dan ketua haruslah dan patutlah ketua-ketua kumpulan yang sedemikian memberi perhatian kepada kepentingan yang lebih tinggi daripada kepentingan ahli-ahli yang mereka menjadi ketua yakni memberi kepentingan negara lebih daripada kepentingan kumpulan yang mereka mewakili ataupun menganggotainya.

Soal naik gaji, semuanya berkehendakkan supaya kakitangan-kakitangan naik gaji. Kerajaan memang suka melihat kakitangan-kakitangannya naik gaji, pihak-pihak kakitangan Kerajaan pun memang suka mereka dapat naik gaji, saya fikir seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan inipun suka melihat kakitangan Kerajaan naik gaji, saya sendiripun suka melihat kakitangan-kakitangan Kerajaan yang gaji mereka naik, kerana sebab-sebab khidmat mereka yang begitu cemerlang selama ini. Tetapi soalnya berapa banyak yang harus naik. Ini pada pendapat saya yang menjadi masalah, soal naik semua bersetuju, soalnya berapa banyak tambahan kenaikan gaji. Ini yang menjadi rumit sedikit. Dan di dalam menentukan berapakah tambahan kenaikan gaji ini sudah

tentu yang menentukan tambahan dan kenaikan gaji ini adalah kemampuan Kerajaan sendiri. Terpaksalah kita kaitkan kemampuan Kerajaan membayar dengan angka kenaikan yang boleh kita tetapkan sebagai tambahan kenaikan gaji kakitangan-kakitangan Kerajaan. Dan siapakah yang paling layak memberi jawapan kepada kemampuan Kerajaan. Pada pendapat saya Kerajaan sendiri. Saya tidak menafikan bahawa pihak Ketua-ketua CUEPACS mempunyai pengetahuan di dalam bidang ini—itu tidak boleh dinafikan, Yang Berbahagia Tan Sri Ibrahim Ali juga mempunyai punca-punca informasi, punca-punca natijah, tetapi namun demikian tidak boleh dinafikan bahawa Kerajaan yang mempunyai specialised knowledge pengetahuan yang genap, cukup dan yang sempurna di dalam soal kemampuan Kerajaan di dalam menentukan tambahan dan kenaikan gaji iaitu berapa banyak hendak dinaikkan gaji itu.

Apa yang menarik perhatian saya di dalam Lapuran Cabinet Committee ini ialah bahawa Kerajaan telah dapat menaikkan gaji minima sebanyak \$195 sebulan—ini angkanya. Pada pendapat saya angka ini adalah lebih sedikit daripada angka yang terdapat yang disyorkan oleh Lapuran Tan Sri Ibrahim Ali. Kalau tak silap perkiraan saya kalau dicampurkan dengan gaji bersihnya \$150 sebulan; dicampur itu dan ini, saya mendapat perangkaan lebih kurang \$188 sebulan, berlainan sedikit dengan angka yang telah ditonjol-tonjolkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Jadi, mungkin pula sudah ada lapuran yang ketiga iaitu lapuran Yang Berhormat dari Kota Melaka pula selain daripada lapuran Yang Amat Berhormat Dr Mahathir. Tetapi mengikut perangkaan saya, perkiraan Kerajaan “take-home pay” ialah sebanyak \$195 sebulan dan mengikut Lapuran Ibrahim Ali sebanyak lebih kurang \$188. Bermakna syor Cabinet Committee adalah lebih daripada angka atau formula yang telah disyorkan oleh Tan Sri Ibrahim. Kalau ini benar, saya agak benar, saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapat menjelaskan, kalau ini benar bahawa cadangan perangkaan minimum wage Kerajaan ini lebih daripada perangkaan Lapuran Ibrahim Ali, maka saya suka meng-

ucapkan tahniah kepada Kerajaan dan sudah kenalah pada tempatnya Kerajaan membuat demikian.

Saya suka juga menarik perhatian satu perkara lagi iaitu di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi menyatakan bahawa gaji maksima diturunkan. Ini juga satu perkara yang menarik dan daripada gaji saya lihat bahawa perangkaan yang tertinggi gaji yang maksima di dalam Lapuran Ibrahim Ali ialah lebih kurang \$8,000 sebulan dan Lapuran Cabinet Committee telah mengesyorkan satu perangkaan gaji maksima lebih kurang \$5,000 sebulan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Angka yang \$8,000 sebulan itu tak ada dibentangkan dalam Dewan. Itu ialah yang asal.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Macam-macam saya baca malam tadi, saya pun tidak ingat apakah yang saya baca. Maaflah kalau saya dapati perangkaan itu di luar daripada dokumen-dokumen ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat iaitu apa yang dikemukakan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ialah berkenaan dengan Lapuran yang sudah disemak semula, kerana Lapuran yang pertama itu tidak disebut.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik kerana saya pun tak dapat hendak menentukan punca-punca hujjah-hujjah saya tadi kerana maklumlah di dalam dokumen-dokumen yang banyak ini terpaksa dibaca semuanya. Saya mungkin terkeliru daripada informasi yang saya dapati. Tetapi argument itu masih tidak terjejas iaitu gaji maksima di bawah syor Cabinet Committee ialah lebih kurang \$5,000 saya tidak dapat exact figure, tetapi adalah di dalam lapuran ini, tak dapat saya menentukan muka suratnya. Ini juga satu characteristic ataupun perangkaan yang menarik dan saya suka mengucapkan tahniah kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang bersetuju kepada perangkaan itu. Ini menunjukkan betapa besarnya hati mereka boleh accommodate begitu open hearted di dalam

hal ini dan ini satu sikap yang amat cemerlang yang telah ditunjukkan oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan ditingkatkan tinggi. Syabas saya ucapkan kepada itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah kemampuan tadi, perkara ini adalah satu perkara yang penting dan di dalam soal kemampuan banyaklah pecahan-pecahannya, kerana di dalam Kerajaan menentukan apakah kemampuannya di dalam hendak menambah tambahan gaji bermacam-macam faktor yang terpaksa Kerajaan menimbangkan. Soal mereka yang berpendapatan rendah, soal rakyat-rakyat yang gajinya tidak tetap dan berbagai-bagai lagi faktor-faktor yang relevant dan penting terpaksa diambil kita di dalam menentukan kemampuan Kerajaan menambahkan dari segi penambahan gaji-gaji kakitangan Kerajaan. Sekiranya ketua-ketua CUEPACS ini menolak soal kemampuan ini, sekiranya mereka masih menuntut dari segi Lapuran Ibrahim Ali mesti juga ditunaikan, bermakna mereka tidak ambil kira masaalah kemampuan Kerajaan, dan pada pendapat saya ini kuranglah wajar, mereka haruslah menimbangkan masaalah kemampuan sebagai suatu faktor yang paling penting di dalam masaalah kenaikan gaji ini. Dan bagi hendak menyelesaikan soal ini dengan soal mogok tidak boleh mengatasi masaalah, di dalam hal ini mogok tidak boleh menyelesaikan masaalah ini. Kerana mogok akan merugikan semua pihak di dalam perkara yang kita hadapi ini. Sekiranya berlaku pemogokan kebangsaan, ini akan merugikan Kerajaan, akan merugikan kakitangan-kakitangan Kerajaan, akan merugikan rakyat—semua rugi. Tidak ada siapa yang untung sekiranya berlaku pemogokan negara, semuanya akan rugi. Oleh sebab itu, saya merayu kepada semua pihak yang berkenaan bahawa mogok tidak akan dapat mengatasi masaalah ini malah rakyat yang susah akan lebih susah, mereka yang agaknya senang mungkin dapat cushioned off the discomfort tetapi bagi mereka yang susah akan lebih susah sekiranya berlaku pemogokan. Tetapi saya percaya CUEPACS dan Badan-badan yang bergabung

dengannya adalah Badan yang bertanggungjawab, Badan yang sedar di atas akibat sekiranya berlaku pemogokan dan saya tidak fikir mereka akan melancarkan pemogokan. Inilah harapan saya. Saya percaya kalau mereka tidak mogok pun mereka tidak akan resort kepada tindakan-tindakan seperti go slow, perlahankan kerja, work-to-rule dan sebagainya kerana ini juga akan menjejaskan ekonomi, pembangunan, kebahagiaan, kesejahteraan dan kesejahteraan negara dan saya tidak percaya pihak Ketua-ketua CUEPACS ataupun Badan-badan yang bergabung dengannya akan menggunakan taktik-taktik, strategy ataupun cara-cara go slow, work-to-rule dan sebagainya di dalam perkara yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya suka hendak kemukakan ialah soal inflasi kerana sekiranya jumlah wang yang telahpun dipersetujui oleh Kerajaan dibayar sekali gus kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan sudah tentu masaalah inflasi akan datang. Soalnya soal degree sahaja, adakah inflasi itu sedikit sahaja, lebih ataupun banyak tetapi inflasi itu mungkin dan ada kemungkinan besar akan berlaku. Tetapi perkara inflasi ini boleh dielakkan sekiranya perlaksanaan tambahan gaji itu dapat dilaksanakan dengan cermat dan berhati-hati. Saya percaya Kerajaan sedar dan faham di atas masaalah ini dan saya percaya mereka mungkin sudah pun mengadakan strategy-strategy dan cara-cara yang tertentu supaya mengelakkan inflasi di dalam apa bentuk sekalipun di dalam pelaksanaan tambahan gaji pekerja-pekerjanya kerana sekiranya inflasi berlaku segala-gala kenaikan gaji itu akan dinegativekan dengan kenaikan inflasi. Apa juga bayaran tambahan yang didapati oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan tidak akan berguna kerana segala-gala kenaikan tambahan gaji akan dihapuskan oleh kenaikan harga barang-barang akibat daripada inflasi dan yang akan menderita sekali lagi ialah mereka yang tidak bergaji tetap seperti nelayan, pekebun-pekebun kecil, penanam-penanam padi dan sebagainya dan di sinilah suka saya hendak merayu kepada pihak

Kerajaan pula, sekarang seolah-olah kita telah menetapkan bahawa bagi mereka yang bergaji tetapi sekurang-kurangnya mereka dapat gaji bersih sebanyak \$195 sebulan. Di sini saya suka merayu supaya Kerajaan juga cuba berikhtiar dan berusaha bagi menentukan supaya pendapatan rakyat kita yang tidak tetap juga harus mendapat pendapatan sekurang-kurangnya \$195 sebulan. Kerajaan harus memikirkan dan memastikan pendapatan nelayan-nelayan, pekebun-pekebun kecil, penoreh-penoreh getah, penanam-penanam kopi, koko, pesawah-pesawah dan sebagainya, tidak boleh bawah daripada \$195 sebulan. Apakah caranya, terserahlah kepada kebijaksanaan Kerajaan. Kerajaan mempunyai banyak pemikir-pemikir yang berkalibar dan saya percaya jika diberi masa yang berpatutan mereka akan dapat mengadakan suatu cara ataupun berbagai-bagai cara dan berbagai-bagai strategy untuk menentukan supaya rakyat jelata yang tidak mempunyai gaji yang tetap juga merasai dan dapat menikmati kekayaan negara ini di dalam bentuk bahawa pendapatan mereka tidak boleh kurang daripada \$195 sebulan. Kalau Kerajaan sanggup hendak membayar sampai \$600 juta tiap-tiap tahun kepada kakitangannya, saya percaya Kerajaan mesti juga sanggup membuat berbagai-bagai strategy, berbagai-bagai rancangan yang mungkin bernilai sebanyak lebih kurang \$600 juta juga ataupun lebih supaya pendapatan semua rakyat kalau boleh insya Allah tidak kurang daripada \$195 sebulan, maka dengan itu bolehlah kita benar-benar menyatakan kita telah dapat mengujudkan suatu masyarakat adil. Tetapi saya tidak katalah Kerajaan mesti buat besok ataupun dalam setahun kerana ini perkara besar tetapi sekurang-kurangnya ada usaha menuju ke arah itu. Sudah mencukupi sekurang-kurangnya rakyat yang kurang bernasib baik dapat merasa bahawa Kerajaan tidak melupakan mereka. Kerajaan di samping menolong kakitangan mereka juga memberi perhatian yang sama ataupun lebih berat kepada rakyat yang berpendapatan kurang daripada \$195 sebulan.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.37 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.55 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

LAPURAN SKIM GAJI BARU JAWATANKUASA KABINET

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Dewan akan menyambung perbahasan di dalam masalah Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

5.56 ptg.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seterusnya saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat kerana memanggil persidangan Parlimen ini.

Saya merasa ini ialah pertama kali satu masalah yang sungguh berat, yang besar sekali dan satu issue yang ada implikasi kebangsaan yang mana Kerajaan telah memanggil Wakil-wakil Rakyat membincangkan keputusan yang telah diambil oleh Kerajaan.

Ini telah menunjukkan yang mana Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn ialah sesungguhnya satu Kerajaan yang demokratik yang selalu menjaga perasaan dan ingat kepada rakyat jelata di dalam negara kita.

Apa yang kita mesti bahaskan hari ini berikutan dengan usul ini ialah ada mampu atau tidak mampu negara kita menjalankan Lapuran Semula (Revised Report) daripada Suruhanjaya Gaji Di-Raja di bawah pengerusi Tan Sri Ibrahim Ali. Itulah keputusan yang Kerajaan telah ambil yang sekarang dirujuk kepada Dewan Rakyat meminta adakah wakil-wakil Rakyat di dalam negara menyokong atau tidak keputusan yang diambil oleh Kerajaan. Ini adalah satu masalah atau satu issue yang sungguh besar sekali sebab Suruhanjaya ini ialah satu Suruhanjaya Di-Raja (Royal Commission), yang kedua implikasi Recommendation daripada Lapuran ini ialah implikasi yang besar sekali. Sebab itu saya fikir apa yang Kerajaan telah buat iaitu memanggil persidangan Dewan Rakyat ini ialah sangat penting yang saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan.

Di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi beliau telah menjelaskan dengan terang sekali mengapa Kerajaan tidak laksanakan dan tidak boleh menerima perakuan-perakuan dalam lapuran semula Suruhanjaya Gaji Di-Raja tetapi yang asas sekali masalah yang kita mesti pertimbangkan ialah bolehkah Malaysia menanggung satu belanjawan yang besar sekali jika kita ikut Lapuran Ibrahim Ali. Kita mestilah bersetuju dengan belanjawan lebih \$1,461 juta untuk melaksanakan Lapuran Gaji Ibrahim Ali atau kita mesti terima apa yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kita ialah jika kita tidak boleh melaksanakan Lapuran Suruhanjaya Gaji Di-Raja sebab Kerajaan telah mengambil keputusan hendak menolong menaikkan gaji pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam perkhidmatan awam dan bolehkah kita bersetuju melaksanakan dengan skim gaji baru yang berasaskan kepada lapuran Kerajaan sebagaimana yang disediakan oleh Jawatankuasa Kabinet. Saya ingat inilah pertimbangan yang asas sekali mengikut apa yang telah kita difahamkan di dalam perbahasan persidangan Dewan ini dan bila Dewan ini membahaskan Anggaran Tahun 1977 dan anggaran untuk Rancangan Malaysia Ketiga, saya fikir semua

rakyat di dalam seluruh Malaysia boleh menerima reason advanced by the Government to pay \$1,461 million in order to implement the Ibrahim Ali Report. Ini bolehlah merosakkan kewangan negara kita. Jika kita terima lapuran Kerajaan adalah betul dan mestilah kita bersetuju dan sokong penuh keputusan yang dibuat oleh Kerajaan menolak Lapuran Ibrahim Ali. Itulah perkara yang mesti kita memberi pertimbangan yang berat sekali. Perkara-perkara yang bersangkutan dengan CUEPACS atau lain-lain, itu satu masalah yang lain yang tidak bersangkutan dengan apa yang mesti kita bahaskan di dalam Dewan ini pada masa sekarang.

Yang kedua, kita sokong keputusan Kerajaan dan menolak Lapuran Suruhanjaya Gaji Di-Raja dan macam mana kita boleh jalankan tujuan Kerajaan menaikkan gaji kepada pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam. Apa yang Kerajaan telah cadangkan ialah kita menerima Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Apa yang kita mesti kaji di dalam Dewan ini samada benar lapuran ini dan tanggungaji yang ada di dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet lebih sesuai dan lebih adil. Pada pendapat saya tentu sesuai sebab cadangan untuk menaikkan gaji mengikut Lapuran Jawatankuasa Kabinet ialah sejumlah \$674 juta lebih kurang dan Kerajaan telahpun memberi keterangan inipun tentu membawa beberapa kesusahan kewangan kepada negara kita sebab deficit yang kita mesti anggar untuk tahun 1977 naik sampai \$221 juta dan kita mesti sediakan untuk tahun 1980 yang mana Rancangan Malaysia Ketiga boleh dikatakan critical masa; itu negara kita mesti menanggung satu deficit yang besar sekali dalam "current account" sampai \$355 juta. Ini menunjukkan Kerajaan sungguh-sungguh mempunyai satu tujuan menolong kakitangan dan pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan Kerajaan. Sebab itu saya nampak cadangan tanggungaji mengikut Lapuran Jawatankuasa Kabinet itu sesuai. Ada lagi lain-lain point sebab cadangan prinsip-prinsip di dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet lebih teliti daripada Lapuran Ibrahim Ali seperti Lapuran Ibrahim Ali mencadang menghapuskan semua elaun-elaun, tetapi di dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet lebih 37 elaun telah diberi balik kepada pegawai-pegawai dan kakitangan. Lain-lain point yang detail itu saya fikir tidak payah saya bahaskan sekarang.

Apa yang kita mesti timbangkan samada benar lapuran daripada Jawatankuasa Kabinet itu lebih sesuai daripada lapuran Suruhanjaya Gaji Di-Raja, saya fikir di dalam Dewan ini dan rakyat di seluruh Malaysia mesti terima Lapuran Jawatankuasa Kabinet kerana sesuai dari segi kewangan negara kita. Kedua, samada cadangan-cadangan di dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet lebih adil. Kita nampak ini boleh dikatakan lebih adil daripada apa yang ada sekarang dan tentu lebih adil daripada apa yang dicadangkan dalam Lapuran Ibrahim Ali.

(*Dengan izin*): I would like to take an example. In the Report on unskilled employees, the present salary scales are \$130-150; \$150-160; \$160-170.

Cadangan Lapuran Jawatankuasa Kabinet ialah \$195 kepada \$285. Bila saya dengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, beliau selalu mengambil contoh gaji yang rendah sekali—\$195.

(*Dengan izin*) What is important is the top part of the scale, i.e. \$285. The next level is \$195-285 also. The third category is \$202.50-295 and the fourth category is \$221.50 to \$315 as against \$160-190. Now, the Ibrahim Ali Commission's Report suggests that the fourth category should actually be lower than what is in the present scale—it should go down to \$150-220. So, the Report of the Cabinet Committee, I think, is much more fair under the present circumstances than the Ibrahim Ali Commission's Report.

Ada lagi lain-lain contoh tidak payah saya bawa, all these ada di muka 3, 4 dan lain-lain. Ini adalah sebabnya Jawatankuasa Kabinet terpaksa memanggil Parlimen untuk membahaskan elaun-elaun dan kumpulan structure tanggagaji yang mana the highest and the lowest are brought in closer approximation. Sebab itu bolehlah kita katakan Lapuran Jawatankuasa Kabinet ialah lebih adil, but what is most important atau yang penting sekali di dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet sebagaimana yang telah dilaporkan right at the very outset—we do not

have to go and have assistance from outside, we only have to do our home work through the night—the Report says on page 10:

“Anomalies will occur and will create dissatisfaction. As a result immediately after a salary scheme is implemented a string of demands will be made based on the so-called anomalies.”

Apa yang kita luluskan pada hari ini mestilah menjadi satu keputusan asas yang mana kita mesti berunding dengan permintaan gaji daripada pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam. All that we are trying to do so is to establish the basis of further discussions.

Di dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang telah dicadangkan di dalam muka surat 10 iaitu Kerajaan apabila telah meluluskan usul ini Kerajaan akan menubuhkan satu badan bebas, an independent body, yang mana ada wakil daripada pekerja-pekerja dan wakil daripada Kerajaan untuk berbincang bagaimana pemindaan atau anomalies boleh diselesaikan. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga menimbang Lapuran Jawatankuasa Kabinet iaitu satu lapuran yang lebih adil. Lapuran Jawatankuasa Kabinet ialah satu lapuran yang lebih sesuai kerana melibatkan kewangan negara ini tidak begitu teruk dan lebih adil maka cadangan-cadangan di dalam lapuran ini sungguh-sungguh menjaga kepentingan pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam dan hendaklah diberi peluang menubuhkan satu badan yang mana pekerja-pekerja sendiri atau pekerja daripada wakil Kesatuan-kesatuan Sekerja bolehlah berbincang dengan Kerajaan untuk menerima Lapuran Jawatankuasa Kabinet sebagai satu lapuran yang lebih adil. Jika Lapuran Ibrahim Ali dan cadangan tanggagaji yang lebih kepada pekerja-pekerja boleh diterima maka Kerajaan mestilah menjaga kewangan seluruh negara dan kita mestilah menolak Lapuran Ibrahim Ali.

Sekiranya Lapuran Jawatankuasa Kabinet lebih sesuai dan lebih adil maka kita bolehlah menerima cadangan-cadangan di dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet itu. Saya rasa tidak payah kita bawa satu perkara yang mana kita telah baca di dalam surat-khabar yang menyatakan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja telah diberitahu mengenai perkara ini dan jikalau Dewan Rakyat

menyokong dan Kerajaan tidak menerima Lapuran Ibrahim Ali maka masalah Lapuran Ibrahim Ali tidak payah dibangkitkan.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ingin tahu sebab apa Kerajaan telah memanggil mesyuarat Dewan ini dalam masa yang singkat. Di sini beliau telah kecam Kerajaan. Dalam mesyuarat ini saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab Kerajaan telah berjanji kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja di dalam masa enam bulan Kerajaan mestilah mengambil keputusan untuk melaksanakan Lapuran Ibrahim Ali samada diterima atau tidak. Keputusan yang diambil adalah satu masalah yang berat dengan sebab itulah Kerajaan membawa keputusan ini kepada Dewan Rakyat untuk dibincangkan dan dipertimbangkan oleh wakil-wakil rakyat. Sekiranya kita memberi sokongan yang penuh kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya yakin Kesatuan Sekerja bolehlah menerima keputusan yang kita akan ambil.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berkata pihak Kesatuan Sekerja (CUEPACS) dan lain-lain badan mestilah berbincang dalam persatuannya untuk meminta mandat (mandate) baru bagi menimbangkan bukan Lapuran Ibrahim Ali, tetapi Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang sedang dibahaskan di Dewan Rakyat yang telah diterima oleh Kerajaan. Kalau mereka membaca Lapuran Jawatankuasa Kabinet saya yakin ahli-ahli dalam Kesatuan Sekerja ini bolehlah menerima lapuran itu. Tetapi saya mengambil peluang di sini merayu kepada Kerajaan selepas meluluskan usul ini hendaklah ditubuhkan sebuah badan bebas untuk menimbangkan tuntutan-tuntutan anomalies dan lain-lain. Ada satu contoh anomaly yang terang sekali. If I may refer to page 93, we have this provision of a proposed housing loan scheme and the proposed housing loan scheme ranges from a loan eligibility of \$7,000 to those who are earning \$215 a month—i.e. after four years of service after entering the lowest point, the lowest point being \$195—to a loan eligibility of \$150,000 which is made available to the highest category of officers in the Civil Service. I think this is a position where there may be room for further discussion. But certainly what the Cabinet Committee is proposing is to give the poorest workers, the lowest level of

workers, in the country an opportunity to own their own homes because they will qualify for loans. Tadi dalam perbahasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, he compared whether the Ibrahim Ali scales of \$130 plus housing and so on was more, or whether the proposal made by the Cabinet Committee of \$195 was less—that was his argument. But he forgot to look into this Report where this provision of loan eligibility to be the lowest levels of our civil service after they have worked for four years will provide them with the ability to own their own homes. Sebab itu saya merayu, sekali lagi kepada Kerajaan supaya menubuhkan sebuah badan bebas dengan secepat-cepatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap di dalam Dewan Parlimen ini kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah menyokong sepenuhnya kepada Kerajaan. Jika kita di dalam negara Malaysia masa sekarang menunjukkan kepada rakyat negara kita dan menunjukkan kepada lain-lain negara di luar Malaysia, kita sesungguhnya bersatu padu yang mana kita mesti menjalankan, melaksanakan projek-projek atau rancangan-rancangan untuk kehidupan yang adil untuk pekerja-pekerja di dalam negara kita. Dan saya ingat, betapa susah pun masalah kewangan yang berbangkit di masa hadapan kita boleh selesaikan masalah itu. Dengan sebab itu, lagi sekali saya mengucapkan terima kasih dan menyokong dengan sepenuhnya kepada usul daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

6.25 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun adalah untuk memberikan sokongan kepada usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan ini pada petang ini berhubung dengan Lapuran Gaji Suruhanjaya Di-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan kemerosotan ekonomi dunia telah menjejaskan kedudukan kewangan negara-negara yang membangun di dunia ini. Keadaan inflasi yang telah kita rasa telah juga menjejaskan keadaan yang tertentu di negara kita, namun dengan perancangan yang teliti, kerajaan telah berjaya memikul beban inflasi yang akhirnya dapat melegakan penderitaan rakyat jelata.

Dalam tahun 1976 apabila dunia mulai beransur memulihkan keadaan ekonomi mereka, Malaysia yang telah juga dapat membaiki kewangannya sedikit yang mana dengan sedaya-upaya dapat Kerajaan melaksanakan beberapa rancangan yang berfaedah semata-mata untuk faedah rakyat jelata seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang kita hadapi sekarang ini ialah kewangan, tetapi dengan bersusah-payah Kerajaan dapat juga menimbang ke arah satu usaha yang besar untuk menyelesaikan soal gaji yang terpaksa mereka hadapi. Kerajaan kita sepatutnya telah menolak terus tuntutan gaji itu, tetapi ia juga terpaksa menimbangkan kerana Kerajaan sedar tentang penderitaan yang dialami oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali yang telah menjadi buah mulut dan perbualan umum dan rakyat di negara ini telah membuat satu tuntutan yang pada hematnya akan membawakan kestabilan ekonomi negara terjerumus di dalam lembah derita. Ini juga akan menimbulkan kesan yang buruk kepada negara sekiranya Kerajaan cuba memberikan sedikit tentangan terhadap pelaksanaan syor Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali.

Rakyat miskin berselirak di seluruh negara iaitu sebagai sebuah Kerajaan yang adil, Kerajaan bukan hanya memikirkan kepentingan mereka yang bernasib baik sahaja tetapi Kerajaan hendaklah juga memikirkan nasib mereka yang kurang bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua, tawaran Jawatankuasa Kabinet yang terbaru adalah kena pada tempatnya kerana ia telah memberikan perhatian adil kepada kumpulan berpendapatan rendah yang mana pendapat saya amat berpatutan umpamanya Suruhanjaya Ibrahim Ali menyokong gaji permulaan bagi yang berpendapatan rendah sebanyak \$150 sahaja tetapi Kerajaan memberikan sokongan sebanyak \$195. Ini dengan jelas menunjukkan betapa besarnya minat Kerajaan yang ingin menolong melegakan penderitaan mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu Suruhanjaya Ibrahim Ali telah memberi gaji tambahan yang banyak kepada mereka yang menerima gaji lumayan manakala pekerja yang miskin dibiarkan terus merasa kesusahan. Adalah menjadi malang sekali

bahawa Suruhanjaya itu telah membuka mata kepada hanya satu golongan pekerja sahaja manakala kebanyakan dari rakyat sedang merasa kesusahan untuk menjalani penghidupan mereka sehari-hari. Saya tidaklah membantahkan akan pertambahan gaji untuk sesiapa sahaja tetapi saya berasa keadilan mestilah diadakan dalam ke semua tuntutan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kami telahpun mengkaji dengan teliti tempat yang mustahak dalam report yang disampaikan oleh Jawatankuasa Kabinet Kerajaan saya dapati Kerajaan telah menerima kebanyakan dari syor-syor yang telah diberikan, maka saya tidak faham mengapakah gaji baru ini tidak dapat diterima. Adalah menjadi pendapat saya bahawa Lapuran Kabinet menjadi lapuran yang terbaik daripada Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali. Lapuran Kabinet menimbangkan dengan mendalam kebajikan kaum miskin.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sedih sekali bila kita tengok pekerja-pekerja yang menerima gaji sebanyak \$200 sebulan masih menghadapi kesusahan dengan keluarga yang besar, dengan tidak ada kemudahan. Saya sungguh terkejut di atas perkara bahawa kaum pekerja yang menerima gaji yang lumayan masih tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini saya merasa bahawa pekerja-pekerja yang mendapat gaji yang rendah pasti akan memberi sokongan yang kuat terhadap Lapuran Kabinet ini yang menimbang kesusahan pekerja-pekerja yang miskin. Akhirnya saya suka lah mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana daya usaha mereka menyelesaikan masaalah-masaalah gaji ini dengan licin sekali. Pekerja-pekerja kita juga akan turut mengucapkan syabas kepada kedua-dua pemimpin kita itu.

Saya juga suka membuat penghargaan kepada Kerajaan kerana telah memberi kita satu peluang untuk membincangkan perkara yang penting ini di Dewan yang khas dan mulia ini.

6.31 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengalu-alukan usul ini, saya suka memberi

pendapat saya atas beberapa perkara mengenai pelaksanaan Sekim Tanggagaji Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang sedang dibahaskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji langkah Kerajaan yang berani dan tegas dalam melaksanakan sekim tanggagaji Lapuran Jawatankuasa Kabinet dan menolak tuntutan Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan mengenai Lapuran Suruhanjaya Gaji Di-Raja, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya mempunyai penduduk seramai 73,050 orang. Kebanyakan terdiri dari kaum nelayan yang pendapatannya sangat kecil. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, mereka ini dikelaskan orang yang mendapat pendapatan kurang dari \$100 ke bawah. Mereka inilah yang paling teruk dan menderita dalam apa juga Suruhanjaya yang dilancarkan oleh Kerajaan.

Kesatuan-kesatuan Sekerja—CUEPACS dalam memberi kata-kata ancaman kepada Kerajaan telah menyebabkan kegelisahan pekerja (industrial unrest) dan kegelisahan sosial (social unrest). Dalam apa juga tindakan yang akan dilancarkan, kegelisahan pekerja-pekerja adalah menjadi punca utama. Ini menyebabkan pelabur-pelabur terpaksa memikirkan kedudukan pelaburannya di samping industrinya yang berjalan. Mereka juga mempunyai maklumat intelegen samada merbahaya kedudukan pelaburannya. Atas kegelisahan pekerja ini, adalah difahamkan bahawa pelabur-pelabur telah memandang ke sebelah jiran kita. Hasil dan akibatnya, jiran kita yang untung. Lihat sahaja bagaimana firma-firma perdagangan yang dahulunya berpusat di Kuala Lumpur, telah lari ke Singapura dan meninggalkan hanya cawangan perniagaannya sahaja. Akibatnya kita yang rugi. Ini mestilah dipandang berat oleh Kerajaan dan bukanlah boleh dipandang sepi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akibat tekanan dan ancaman Kesatuan Sekerja ini, saya rasa Kerajaan hendaklah memerhatikan gerak-geri mereka samada mereka ini bergerak cergas dengan meninggalkan pekerjaannya yang boleh menyebabkan kerja-kerjanya terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai ramai pemuda-pemudi yang berkecayaan yang tidak mempunyai pekerjaan sekarang.

Sekiranya terdapat bukti bahawa ada di antara mereka yang cuaikan menjalankan pekerjaannya, maka saya fikir sudah sampailah masanya Kerajaan bertindak tegas memherentikan mereka dan memberi peluang pekerjaan kepada pemuda-pemudi kita yang betul-betul berkehendakkan pekerjaan. Kita tidak mahu mereka ini menjadi alat atau perkakas kepada sesiapa pun. Sebaliknya, negara berkehendakkan orang-orang yang dedicated dan berdisplin.

Sekiranya mereka meneruskan rancangan-nya untuk melancarkan mogok, maka saya berpendapat bahawa adalah kena pada tempatnya bahawa Akta Perhubungan Perusahaan (Industrial Relations Act), hendaklah digunakan dengan mana mogok yang dilancarkan itu adalah haram. Sebaliknya, jalan yang paling selamat bagi negara ialah menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act) bagi mereka yang bergerak cergas dan saya rasa tidak payah saya menyebutkan nama-nama mereka yang bergerak cergas di dalam Kesatuan ini. Cuma ada empat lima orang sahaja.

Saya percaya Kerajaan tidak akan teragak-agak menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini untuk kepentingan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memberi sokongan kepada usul ini, saya rasa adalah wajar bahawa kakitangan Kerajaan diberi kenaikan gaji yang berpatutan. Dalam pada itu, mereka hendaklah ingat bahawa memberi kenaikan gaji sahaja tidaklah memadai, kalau sekiranya mutu kecakapan perkhidmatannya serupa sahaja dengan yang lama. Ini bermakna semata-mata berkehendakkan kenaikan pelaksanaan gaji baru, sedangkan pada hakikatnya kecakapan mutunya tidak berubah. Apa yang kita harapkan ialah bahawa mutu kecakapan perkhidmatannya hendaklah tinggi daripada yang ada sekarang. Dengan mutu perkhidmatan yang tinggi, baharulah wajar pelaksanaan kenaikan gaji baharu ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan bayaran elaun kakitangan Parlimen yang biasanya dibayar apabila Persidangan Parlimen diadakan.

Saya berasa dukacita menerangkan bahawa selepas meneliti Lapuran Jawatankuasa Kabinet, elaun tersebut akan dihapuskan. Bayaran elaun dibuat semasa Persidangan Parlimen diadakan di mana mereka terpaksa

bekerja lebih dari pukul 7.00 malam untuk melayakkan mereka mendapat elaun. Tetapi elaun tersebut akan dihapuskan. Sekiranya ini dilakukan, saya rasa Kerajaan hendaklah memikirkan semula supaya diberi pertimbangan yang serius agar bayaran elaun mereka itu dapat dikekalkan. Sekiranya didapati tidak economical, maka saya minta dengan jasa baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa mereka yang terlibat dengan Persidangan Parlimen terutamanya pengeluaran *Hansard* (Penyata Rasmi Parlimen) dan mereka yang terlibat hanya dengan Persidangan Parlimen sahaja, hendaklah dikekalkan bayaran elaunnya yang jumlahnya tidak bera- pa orang. Saya menganggap bahawa sekiranya semua bayaran elaun ini dihapuskan, maka ada kemungkinan *Hansard* (Penyata Rasmi Parlimen) yang dikeluarkan pada tiap-tiap hari sekarang ini, mungkin akan tergendala, kerana tiada siapa yang akan bekerja sehingga malam, sekiranya bayaran elaun yang mereka dapati sekarang ini akan dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ini berlaku, maka kita bukan sahaja melangkah setapak ke hadapan, tetapi melangkah setapak ke belakang, dan hasilnya kita yang rugi dan menerima akibatnya.

Saya tahu ada di antara pegawai-pegawai di Parlimen yang bekerja keras terutama di Bahagian *Hansard* (Penyata Rasmi Parlimen) yang dapat menyiapkan laporan persidangan Parlimen pada keesokan harinya.

Saya mempunyai penuh harapan bahawa kakitangan Bahagian-bahagian yang tertentu, atau yang terlibat dengan Persidangan Parlimen sahaja, hendaklah dikekalkan bayaran elaun mereka dan saya berharap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat memberi pertimbangan yang serius sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memberi kenaikan gaji kakitangan Kerajaan ini, kita hendaklah ingat dan berwaspada bahawa perkara yang utama ialah kenaikan harga barang-barang. Barang-barang naik dengan mudah sahaja.

Saya suka mengesyorkan bahawa kenaikan barang-barang perlu (necessity) tidaklah boleh dinaikkan oleh pekedai-pekedai dengan sesuka hati mereka sahaja. Kita sedia maklum bahawa kenaikan barang-barang makanan boleh menjejaskan kehidupan rakyat, terutama orang-orang kampung. Mereka inilah yang paling teruk menderita akibat tekanan hidup sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang kampung sungguh pun tidak berpendidikan tinggi, mereka tahu akan permainan pekedai-pekedai besar, khususnya pemborong-pemborong (wholesalers). Punca utama kenaikan harga barang-barang adalah dari arahan Dewan Perniagaan China (Chinese Chamber of Commerce). Sekarang orang-orang kampung bukanlah macam dahulu lagi. Mereka tahu siapa yang sebenarnya di belakang kenaikan harga barang-barang ini. Saya khuatir akan kebangkitan orang-orang kampung kelak dan kita tidak mahu peristiwa buruk berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan bahawa senarai barang-barang perlu yang terkawal (food control items) hendaklah ditambah, seperti cili kering, bawang merah dan sebagainya yang sangat-sangat perlu digunakan oleh orang-orang kampung. Sekiranya ini dilakukan, saya percaya ianya dapat mengurangkan tekanan hidup mereka sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah sahaja dan sebelum saya duduk, saya ingin merayu agar dua perkara utama, iaitu elaun kakitangan Parlimen dikekalkan dan barang-barang terkawal ditambah. Mudah-mudahan dengan rayuan saya ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat menimbangkan dengan seriusnya.

Sekianlah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

6.41 ptg.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jelun-Langkawi): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudi mengemukakan usul ini dalam Dewan yang berbahagia ini supaya dalam menimbang masaalah dan nasib pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang berjumlah 560,000 itu dapat ditimbang sejajar dengan nasib rakan-rakan kita yang lain yang berjumlah lebih daripada 11 juta dalam negara kita ini, di samping itu menimbangkan juga tentang kedudukan negara kita.

Saya sokong penuh keputusan Kerajaan untuk melaksanakan skim gaji baru yang berasaskan kepada laporan Kerajaan ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir, oleh kerana apa yang akan

ditawarkan oleh Kerajaan itu boleh dianggap adalah berpatutan dan lebih-lebih lagi amat realistic dan lebih adil. Kita tidak boleh nafikan bahawa perkhidmatan awam patut diberi pertimbangan kenaikan gaji sebagai hadiah. Hadiah jasa kebanyakan daripada mereka sebagai penghargaan bakti mereka dalam usaha untuk mewujudkan suasana ekonomi, sosial dan politik negara yang makmur dan stabil sekarang ini. Tetapi apabila kita melihat recommendation Suruhanjaya Ibrahim Ali kalau segala-galanya diterima tentulah akan mengakibatkan buat permulaannya jurang perbezaan yang besar di antara pegawai-pegawai yang patut menerima nikmat tadi iaitu peringkat yang tinggi akan dapat lebih tetapi yang rendah makin rendah. Juga asas pengiraan ini tidak berpandukan asas productivity. Dan seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan saya jumlah wang yang akan dikeluarkan begitu banyak sekali, seribu million ringgit lebih tentulah tidak sesuai dengan kedudukan kewangan negara pada masa ini yang sebenar-benarnya. Di samping itu kita tidak boleh nafi bahawa kecurahan wang yang begini banyak akan mengakibatkan inflasi dan lebih-lebih lagi akan mengurangkan ability kita untuk menarik foreign investors atau foreign capital dalam negara ini kemudian hari oleh sebab-sebab yang tertentu. Selain daripada itu, apatah lagi nasib negeri-negeri yang miskin yang terpaksa juga membayar gaji yang disyorkan oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali itu.

Saya sokong dan ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan oleh kerana tawaran yang Kerajaan buat akan memberi keistimewaan dan pertolongan kepada kakitangan yang berpendapatan rendah dan secara tidak langsung akan menghapuskan timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan mereka yang berpendapatan rendah ini. Dan di samping itu dalam pengiraan ini pihak Kerajaan juga telah memberi pertimbangan terhadap perkhidmatan askar dan polis yang bukan sahaja memberikan perkhidmatan tetapi juga mengorbankan jiwa bagi kepentingan negara. Dan skim Kerajaan ini adalah realistic dan berasaskan kebolehan negara membayarnya. Tidak boleh dinafikan bahawa jumlah wang yang sebanyak seribu juta ringgit lebih itu jika kita ikuti cadangan yang disyorkan oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali itu jika diterima sebagai windfall oleh 560,000 pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja dalam bentuk wang tunai yang akan dikeluarkan dalam ekonomi kita

ini dalam bentuk cash semestinya akan mengakibatkan tekanan inflasi dan kesan utama hasil daripada ini ialah bahawa ianya akan menekankan penghidupan pesawah-pesawah, nelayan-nelayan dan pemotong-pemotong getah oleh kerana mereka ini tidak dengan serta-mertanya boleh meninggikan productivity dan tidak mungkin juga dapat mengawasi kenaikan harga barang-barang keperluan dan input mereka seperti yang diterangkan oleh setengah-setengah daripada rakan-rakan saya.

Dengan adanya bekalan wang yang banyak ini dalam ekonomi kita dengan secara mengejut maka semestinya harga barang-barang consumers dan durable goods akan naik dan dengan itu cost of production akan juga naik dan seterusnya kesan-kesan atas eksport di mana barang-barang kita akan menjadi lebih mahal di luar negeri daripada yang biasa. Akibat semua ini adalah spiral dan ada multiplying effectnya kemudian hari. Pertamanya, kakitangan private sector akan memohon tambahan gaji mereka juga, dengan itu melibatkan industrial climate dan setelah itu akan meresap kepada keseluruhan ekonomi yang akan memberi akibat buruk atas pelaksanaan dasar dan pencapaian dasar Rancangan Malaysia Ketiga kita disebabkan oleh cost factor.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Rancangan Malaysia Ketiga mempunyai filasafah untuk membasmi kemiskinan. Penerimaan keputusan Kerajaan ini bermakna kita dapat mengelakkan kesan buruk di mana mereka yang telah berada akan diberi lagi peluang untuk memperbaiki lagi hidupnya dan yang kurang mendapat kurang. Dan negara ini juga akan mengelak bangkitnya perasaan tidak puas hati, sosial restlessness dan envy di kalangan mereka yang kurang berpendapatan terutama orang-orang yang menerima fixed income, dengan ini juga kalau kita terima syor yang telah-pun dikemukakan oleh Kerajaan mungkin kita dapat jaga dan menyelamatkan imej civil servants dalam negara kita. Tetapi apa yang lebih penting lagi dengan adanya cadangan baru ini kita dapat menolak peluang eksploitasi yang mungkin digunakan oleh golongan-golongan anti-nasional untuk mengancam kestabilan ekonomi negara dengan timbul dan adanya perasaan restlessness kemudian hari. Memandangkan hal ini

maka saya fikir penting dan perlu selepas pendirian Kerajaan ini dijadikan kenyataan langkah-langkah diambil bagi mengurangkan tekanan dan masalah inflasi hasil daripada injection wang yang begini banyak kemudian hari. Salah satu daripadanya sukacitanya saya pegang teguh di atas seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya pegawai-pegawai dan kakitangan yang akan menikmati rezki tambahan ini apabila menerima wang-wang ini akan menyimpan dalam Bank Simpanan—kalau boleh Bank Simpanan Nasional (*Ketawa*) dengan tujuan supaya wang-wang ini tidak semuanya digunakan dengan serta-merta secara tergesa-gesa yang boleh memburukkan keadaan ekonomi kita.

Dan di samping itu wang-wang ini juga boleh digunakan oleh Kerajaan sendiri untuk pembangunan dan perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Umpamanya, bekalan sebanyak \$680 million juga disimpan dalam Bank Simpanan Nasional dan dilaburkan balik melalui Kerajaan, sekurang-kurangnya rakyat kita yang berjumlah 11 million itu dapat menikmati pada satu tahun \$60 seorang. Dengan adanya rancangan yang sebegini akan juga bermakna bahawa kita dapat menolong Kerajaan supaya mengurangkan pinjaman wang dari negara luar untuk pembangunan dan secara tidak langsung menahan kenaikan on cost production dan maintain kemampuan negara ini, menggalakkan foreign capital bagi investment dalam negara kita.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, perlu Kerajaan memperingati dan memberi tahu sebahagian daripada pemimpin-pemimpin CUEPACS yang kita harap semua bertanggungjawab, apakah akan jadi kepada negara ini kalaulah petani-petani, pesawah-pesawah, penurih-penurih getah, nelayan-nelayan yang sebegini ramai di dalam negara kita ini yang sudah begitu setia dan taat kepada negara, menaruh sikap yang bercorak militant sepertimana setengah-setengah pemimpin-pemimpin CUEPACS yang sedang menjalankan usaha untuk memperbaiki nasib pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja dalam soal menuntut sesuatu yang berfaedah kepada mereka.

6.52

Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan menyokong penuh tanggagaji yang baru yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Pada pendapat saya ini menunjukkan bahawa Kerajaan memang sentiasa memberi pandangan berat terhadap kebajikan kakitangan-kakitangan terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Tanggagaji baru ini juga membuktikan hasrat baik Kerajaan. Oleh yang demikian, saya berharap kepada kakitangan Kerajaan akan menyambut baik cadangan baru ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit tentang tuntutan kenaikan gaji oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja seperti yang kita telah dengar beberapa bulan yang lalu.

Pada hemat saya sebarang tuntutan kenaikan gaji yang dibuat mestilah menasabah, berpatutan dan juga mestilah memikirkan tentang kedudukan ekonomi dan kewangan negara kita. Tuntutan-tuntutan yang berlebih-lebihan bukan sahaja akan membebankan kedudukan kewangan tetapi juga boleh merosakkan negara kita. Sekiranya ini berlaku, kita semua akan mengalami kerugian yang besar. Sayugia diingatkan bahawa Kerajaan bukanlah bertanggungjawab kepada kakitangannya sahaja, tetapi ia juga mestilah memikirkan rakyat keseluruhannya yang terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar seperti petani-petani, nelayan-nelayan dan lain-lain lagi. Tanggungjawab Kerajaan adalah lebih besar dan kita harus menyedari perkara ini. Kerajaan memang sedar tentang perlunya diberi satu tanggagaji yang baik kepada kakitangannya tetapi sebarang kenaikan gaji mestilah mengikut kemampuan negara dan mestilah menasabah, dan sejajar dengan kedudukan ekonomi dan kewangan negara kita. Cadangan tanggagaji baru yang diumumkan di Dewan ini membuktikan Kerajaan tidak lupa tentang kebajikan kakitangan-kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa negara kita telah mencapai kemajuan yang sungguh pesat sejak kita mencapai kemerdekaan dan setiap rakyat di negara ini telahpun menikmati kemajuan ini. Kerajaan melalui rancangan-rancangan pembangunan khususnya Rancangan Malaysia Ketiga. Dasar Ekonomi Baru adalah committed untuk menunjukkan satu masyarakat

di mana kekayaan dan kemakmuran negara dapat dinikmati oleh semua rakyat secara adil dan saksama. Kita semua mestilah memainkan peranan masing-masing supaya cita-cita bersama ini dapat dicapai sepenuhnya. Oleh yang demikian, sebarang tuntutan gaji yang tidak berpatutan dan yang akan membebankan Kerajaan dan menghalang rancangan-rancangan pembangunan kita tidak boleh dilayan. Dalam hal ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah bersikap tegas terhadap tuntutan-tuntutan yang tidak menasabah itu. Di samping itu juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana telah berjaya mengumumkan tanggagaji yang baru yang realistik setelah dipertimbangkan kepentingan kakitangan-kakitangannya dan kepentingan negara keseluruhannya. Saya berharap dengan adanya tanggagaji yang baru ini kakitangan-kakitangan Kerajaan akan berkhidmat dengan lebih tekun dan didikasi lagi agar segala rancangan-rancangan pembangunan dapat dilaksanakan sehingga mencapai penuh kejayaan.

Sebelum saya duduk, sekali lagi saya ulangi sokongan penuh saya kepada cadangan tanggagaji baru bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan.

7.00 mlm.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pendirian Kerajaan tidak menerima perakuan-perakuan dalam Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Di Raja, 1975 serta menyokong sepenuhnya keputusan Kerajaan untuk melaksanakan skim gaji baharu yang disediakan oleh Jawatankuasa Kabinet yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sungguh terharu di atas ucapan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dengan begitu sabar dan boleh tahan di atas perbuatan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja di waktu berunding sehingga tinggalkan Majlis dengan begitu bongkak, begitu sombong sikap mereka. Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri masih minta Ahli-ahli Dewan, jangan mencaci mereka itu, kerana mereka tidak ada kesempatan untuk membela diri dan menjawab. Mereka ini bukanlah orang-orang biasa. Setengah-setengah mereka adalah orang-orang mempunyai kelulusan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai berbagai golongan seperti petani, nelayan yang bekerja sendiri dan kepada orang-orang yang masih menganggur. Kita mestilah bertimbang rasa. Sebagai sebuah Kerajaan yang mengamalkan demokrasi berparlimen telah memberi 100% peluang kepada rakyat untuk bercakap dan membuat pandangan-pandangan yang sihat dan kepada kaum-kaum pekerja juga untuk memasuki mana-mana Kesatuan Sekerja atau Union untuk membela mereka. Bukanlah untuk Kesatuan-kesatuan atau Trade Unions mengambil kesempatan menekan, mengugut dan melawan secara kekerasan kepada Kerajaan yang memang berupa adil dan saksama. Kerajaan bukan menolak secara buta tuli di atas tuntutan Lapuran Ibrahim Ali itu. Tetapi menolak dan menambah apa yang patut terutama kepada pihak-pihak yang berpendapatan rendah supaya mereka akan dapat, menikmati pendapatan yang agak lumayan dan pihak yang atasan juga akan tidak keberatan menerima kadar-kadar yang berpatutan. Pihak Cabinet Committee telah menimbangkan secara teliti dan adil di atas Revised Report itu dan pihak Cabinet Committee telah membuat keputusan yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak pihak Kesatuan Sekerja hanya hendak mengabui mata pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. Mereka hanya hendakkan publicity yang merekalah orang-orang yang berkuasa untuk mengugut atau menggentak. Saya rasa rakyat dan pekerja tentu faham di atas keikhlasan Kerajaan dan sikap pemimpin-pemimpinnya yang memang untuk melihat rakyatnya maju dan sihat dan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak payah saya membentangkan satu persatu berkenaan dengan skim tentang gaji baharu yang disediakan oleh Jawatankuasa Kabinet di dalam Dewan yang mulia ini, kerana semua telah dimasukkan di dalam akhbar pada pagi tadi. Saya rasa pihak pekerja-pekerja dan kakitangan Kerajaan dan juga rakyat jelata dapat meneliti di atas semua skim-skim tadi dan saya rasa kita patutlah bersama-sama dengan Kerajaan untuk memberi kesenangan kepada semua pihak dengan tidak mengira apa jenis golongan pekerja.

Dan dengan ini saya tidak ragu-ragu lagi menyokong di atas usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri pada petang tadi.

7.05 mlm.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Peruta, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kami sebagai back-benchers menyokong sepenuhnya pendirian Kerajaan yang tidak menerima perakuan-perakuan dalam Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Di Raja serta menyokong sepenuhnya keputusan Kerajaan untuk melaksanakan skim gaji baru yang disediakan oleh Jawatankuasa Kabinet dan menyokong sebarang tindakan Kerajaan untuk menentukan supaya tuntutan gaji tidak menjejaskan ketenteraman dan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat di kawasan luar bandar, saya mengetahui perasaan penduduk-penduduk di kampung-kampung di atas kesan inflasi dan jikalau perakuan-perakuan dalam Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Di Raja telah diimplementasikan, ekonomi negara akan buruk oleh sebab kos perlaksanaannya akan melebihi kemampuan Kerajaan menanggungnya. Jikalau kita implementasi Lapuran Semula Suruhanjaya Gaji Di Raja, maka beberapa banyak kesatuan-kesatuan swasta serta ahli-ahlinya oleh kerana pendapatannya kurang daripada kakitangan-kakitangan Kerajaan akan mencapai menaiki gaji dari majikan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada mengatakan bahawa ramai Wakil-wakil Rakyat tidak ada peluang menegok atau examine the Report. Walau bagaimanapun, beberapa wakil-wakil rakyat, izinkan saya bercakap sedikit di dalam bahasa Inggeris, (*Dengan izin*) burned the midnight oil, doing a rapid reading of the Report of the Cabinet Committee. Not all Wakil-wakil Rakyat, as alleged by the Honourable Member for Kota Melaka, did not read the Report at all, although there has been no time for us to study it thoroughly.

Tuan Yang di-Pertua, the offer of the Government is a fair offer. The Government has to be responsible not only to its employees, but also to the 12 million Malaysians

who elected them to office. The Government also is responsible to the impoverished fishermen, to the farmers, many of whom do not understand what is the Ibrahim Ali Report. What is all the fuss about? To them, they are worried about the rising cost of living.

The Government also is responsible to the unemployed in this country. Many of those who leave school have no jobs. If you get a fantastic \$2,000 a month, it has nothing to do with them. They are worried about the \$150 a month (basic) that they can get in the employment sector.

Tuan Yang di-Pertua, that is the responsibility of the Government and I know no Government can be expected to deliberately plan itself into bankruptcy by paying a wage scheme which it cannot afford.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya juga Kesatuan-kesatuan pun must consider whether they can afford to kill "the goose that lays the golden egg"; no good businessman will incur overheads that will ruin his business.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap semua pihak yang terlibat terutama sekali kakitangan-kakitangan Kerajaan dan juga kesatuan-kesatuan akan dapat menimbangkan tawaran yang ditawarkan oleh Kerajaan dengan kepala yang dingin.

7.10 mlm.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Pada masa pelaksanaan hendak dilaksanakan dan pada masa Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali diura-urakan oleh pihak Kerajaan hendak dilaksanakan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan oleh sebab saya mewakili penduduk-penduduk di luar bandar dan mereka ini terdiri daripada berbagai-bagai lapangan termasuk kakitangan Kerajaan sendiri. Pada masa tersebut sebahagian daripada penduduk yang saya wakili merasa gelisah sedikit kerana tidak diberi peluang untuk mereka bersuara, untuk mereka menyatakan sesuatu berkenaan dengan Lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali. Hari ini apabila sahaja saya dan sahabat-sahabat saya dari Ahli-ahli Dewan ini dijemput untuk berbincang berkenaan dengan Lapuran

Jawatankuasa Kabinet ini, ertinya rakyat di kawasan saya telah diberi peluang untuk berkata sepatah-dua dan memberi pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengapa saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang pertama sekali kerana memandangkan kepada lapuran semula Suruhanjaya Gaji Diraja, 1975 yang akan melibatkan kos peralaksanaannya melebihi kemampuan Kerajaan.

Yang kedua, kerana memandangkan kepada implikasi terhadap semua golongan berpendapatan rendah yang bekerja sendiri terutamanya golongan tani, nelayan, pengusaha kecil dan kepada golongan yang menganggur. Menganggur kalau tidak silap saya dalam negara ini ada seramai 7%.

Yang ketiga, kerana memandangkan kepada pembahagian kepada kenaikan gaji dalam Perkhidmatan Awam yang tidak seimbang seperti yang diperakukan dalam lapuran itu.

Yang keempat, kerana dengan mengambil ingatan atas kesanggupan Kerajaan untuk memperbaiki tanggagaji pekerja-pekerja.

Dalam hal ini, mungkin oleh kerana tanggagaji yang dikemukakan dalam Dewan ini khas untuk kakitangan dan pegawai Kerajaan yang melibatkan lebih daripada 500,000 orang mungkin ada sebahagian daripadanya menyatakan bahawa Ahli-ahli Dewan ini seolah-olah tidak menyokong di atas kenaikan gaji. Tambahan pula Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada memberi pandangan di dalam Dewan ini di dalam ucapannya, khasnya mengenai dengan cara pemogokan kemungkinan berlaku dan cara pelaksanaan pencen yang akan dilaksanakan. Barangkali oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang tidak dapat mengikut seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional di atas penerangan-penerangan yang diperolehinya maka kekeliruan ini telah diucapkan di dalam Dewan ini, khasnya berkenaan dengan tarikh mogok. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kalau tidak silap saya mengatakan tarikh mogok akan boleh diberi oleh Kesatuan Sekerja dengan satu tarikh daripada tarikh ini kepada suatu masa mengikut undang-undang Kesatuan Sekerja. Tetapi sukacita dimaklumkan, sebenarnya, Kesatuan Sekerja di negara kita ini telahpun memberi satu notis kepada Kerajaan pada bulan

Oktober tahun 1976, jika sekiranya perlaksanaan Gaji Ibrahim Ali tidak dilaksanakan, maka mereka akan mengambil satu keputusan perusahaan di dalam negara kita dan tarikh ini kalau tidak silap saya ialah 31hb Januari, satu tarikh akhir kepada notis tersebut. Ertinya pihak mereka boleh mengadakan mogok pada bila-bila masa yang mereka kehendaki apabila sampai kepada tarikh tersebut.

Saya suka mengambil peluang bagi pihak rakyat di kawasan saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan oleh kerana tarikh 31hb Januari ini adalah satu tarikh yang tidak berapa hari sahaja lagi dan kita telah diberi peluang untuk menyatakan sesuatu berkenaan dengan pelaksanaan gaji ini di dalam Dewan ini sebelum ataupun jika Kesatuan Sekerja ingin hendak melancarkan permogokan di dalam negara ini. Sungguhpun hal ini satu kemungkinan sahaja, tetapi sudah sepatutnyalah Kerajaan Barisan Nasional berhati-hati, berjaga-jaga dan bukan setakat menjaga kepentingan sebahagian sahaja daripada rakyat negara ini bahkan Kerajaan Barisan Nasional ini menjaga keseluruhan rakyat seramai lebih kurang 11 juta orang.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyatakan berkenaan dengan pembayaran pencen mengikut angka yang diberi mungkin rendah daripada Lapuran Gaji Ibrahim Ali. Pencen dikira daripada gaji bersih tidak termasuk kepada elaun ataupun elaun sewa rumah dan sebagainya. Tentulah pelaksanaan gaji yang akan dilaksanakan ini, yakni satu gaji bersih yang tinggi yang dikira hak bersara dikira 1/600 daripada tanggagaji bersih yang telah dicatit di dalam buku tersebut. Saya percaya jika sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan dapat mengetahui, dapat menatap betul-betul hal ini dan tambahan pula biasanya pegawai-pegawai Kerajaan ini berharap apabila sahaja mereka bersara, mereka juga akan mendapat faedah daripada persaraan mereka dan mereka berharap apabila mereka hidup pada waktu mereka bersara dapat kesempurnaan hidup seperti mana mereka yang lain juga. Saya percaya dengan adanya 1/600 daripada gaji bersih adalah satu cara lebih baik daripada 1/800 yang telah diberi oleh Suruhanjaya Gaji Suffian dan Suruhanjaya Gaji Aziz.

Dalam hal ini kita nampak bagaimana juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyatakan, telah memberi pandangan, telah

memberi ulasan, saya percaya melalui Dewan ini, rakyat seluruh negara dapat mendengar, dapat mengkaji sendiri selain daripada ucapan-ucapan yang dibawa oleh Ahli-ahli Dewan ini, mereka dapat menghalusi di atas ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri misalnya, saya percaya rakyat kurang kegelisahan perlaksanaan gaji ini dan saya percaya pegawai-pegawai Kerajaan dapat mengikuti perkembangan lapuran Suruhanjaya Gaji Kabinet ini supaya mereka dapat memberi sokongan penuh kepada perlaksanaan yang dikemukakan di dalam Dewan ini dan supaya pihak Kesatuan Sekerja dapat mengkaji semula, adakah cara mereka akan mengambil keputusan yang kononnya dapat melibatkan Kerajaan seolah-olah akan membalas sesuatu kepada Kerajaan. Pada saya, jika sesuatu pemogokan berlaku di dalam negara ini, ini bukanlah melibatkan Kerajaan sahaja, tetapi akan melibatkan keseluruhan rakyat di dalam negara kita dan sebagai menjaga kepentingan ini saya menyeru Kerajaan dapat berhati-hati, dapat mengawal keseluruhan negara, tambahan pula negara kita pada masa ini berkenaan dengan keadaan keselamatan kita di sempadan, sesuatu yang selalu terjadi dan kita bimbang jika beban ini kemungkinan suatu keburukan akan bertambah di dalam negara kita.

Di dalam hal ini, apabila Lapuran Suruhanjaya Gaji Di Raja, 1975 telah ditolak oleh pihak Kerajaan, ertinya Kerajaan bukan menolak satu Suruhanjaya tanggagaji, hanya Kerajaan menolak Suruhanjaya Gaji Di-Raja 1975 yang disebut Suruhanjaya Ibrahim Ali dan sebagai gantinya Kerajaan sanggup membuat satu tanggagaji lain yang melaksanakan pula \$330 juta setahun. Ertinya bukanlah Kerajaan tidak mahu melaksanakan bahkan daripada segi apa yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nyata \$330 juta telah disediakan bagi pembayaran gaji setengah juta lebih pegawai-pegawai Kerajaan di dalam negara kita ini.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, suatu tempoh dahulu pegawai-pegawai Kerajaan dibayar gaji mengikut Lapuran Suffian dan pada suatu tempoh yang lain bagi pihak pelajaran pula Kerajaan tubuh satu Suruhanjaya Aziz pula, dan selepas itu ada dua Suruhanjaya lagi dibuat oleh pihak Kerajaan. Pada keempat-empat Suruhanjaya ini Kerajaan dapati tidak ada perseimbangan seperti mana apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ialah

matlamatnya perseimbangan kepada gaji kakitangan Kerajaan. Kerajaan telah menubuhkan sebuah Suruhanjaya, Suruhanjaya Harun pula. Suruhanjaya Harun ini di dapati pegawai-pegawai yang terlibat lebih sempurna yakni lebih daripada apa yang sahabat-sahabat mereka dapat daripada Suruhanjaya Gaji Suffian. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, seorang pegawai Kerajaan dan ada seorang lagi pegawai juga, kedua-dua ini mendapat kelulusan yang sama daripada universiti tetapi yang seorang mendapat gaji Suffian, yakni menjadi pegawai Kerajaan dan yang seorang lagi bekerja dengan Badan Berkanun, padahal kelulusan mereka sama, kerja mereka sama, tetapi pegawai yang bekerja dengan Kerajaan yang dapat gaji Suffian ia akan mendapat permulaan \$750 tetapi sahabatnya yang bekerja dengan Badan Berkanun akan mendapat \$850. Ini sudah ternyata Lapuran Gaji Harun lebih baik daripada Gaji Suffian. Dengan hasrat Kerajaan yang dikemukakan di dalam Dewan ini saya percaya keseluruhan tanggagaji yang telah dilaksanakan pada kakitangan Kerajaan di dalam negara ini sebaik-baiknya apa yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini cara pelaksanaannya hendaklah dibuat satu persamaan mengikut tanggagaji Harun dan daripada itulah baru dipindahkan kepada tanggagaji yang dilaksanakan ini. Jika tidak sahabat-sahabat mereka yang bekerja di dalam tanggagaji Suffian akan ketinggalan daripada sahabat-sahabat mereka yang mendapat tanggagaji Harun. Saya percaya hal ini mendapat perhatian Kerajaan dan saya berharap pelaksanaan ini akan dapat memuaskan kepada seluruh pegawai-pegawai Kerajaan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal lain seperti mana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta supaya peniaga-peniaga di dalam negara kita ini tidak mengambil sebarang kesempatan di atas kenaikan gaji ini. Sungguhpun telah diminta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi sebenarnya keadaan ini sudahpun berlaku. Sebahagian daripada harga-harga barang keperluan pada masa ini telahpun naik dan ini sudah menjadi satu kegelisahan kepada rakyat dan kita bimbang perlaksanaan gaji ini dikemukakan pula kemungkinan bertambah naik, maka akan terlibatlah mereka daripada petani, nelayan dan sebagainya yang tidak dapat menikmati tanggagaji yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan. Saya sedar 500,000 orang lebih

kakitangan Kerajaan akan mendapat tanggagaji ini, kemungkinan tanggungan mereka jika dijumlah lebih kurang agak saya $\frac{1}{4}$ daripada penduduk di negara ini dan sudah sepatutnyalah kita mengingati, saya memohon dan minta kepada kakitangan Kerajaan dapat memandang kepada arah $\frac{3}{4}$ daripada penduduk di negara kita ini yang tidak dapat menikmati kepada tanggagaji ini dan seperti mana yang saya katakan tadi harga barang sebahagiannya telahpun mulai naik pada masa sekarang. Saya bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru melalui Dewan ini kepada peniaga-peniaga dapat mengkaji semula apakah dengan cara mereka telah buat ini memberi keuntungan kepada negara ataupun adakah mereka juga akan melibatkan bersama-sama dengan Kerajaan menjaga kepentingan negara.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merayu kepada kesatuan sekerja melalui Dewan ini kepada pemimpin-pemimpin mereka sungguhpun seperti mana yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bagaimana sikap mereka pada pagi semalam apabila hendak meninggalkan di dalam

persidangan. Ini sesuatu telah berlaku di depan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sangat-sangat dihormati di dalam negara kita bahkan negara-negara di seluruh dunia. Walaupun mereka telah mengambil satu keputusan yang tersangat marah misalnya ataupun sesuatu yang ingin bertindak balas janganlah sampai begitu sekali dan kita berharap pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dapat mengkaji semula ataupun sesudah dapat menatap seperti mana Ahli-ahli Dewan ini menatap buku Lapuran Suruhanjaya Kabinet ini mereka dapat mengkaji semula seperti mana juga kami akan balik menemui rakyat dan diharap mereka juga rojok semula kepada ahli-ahli mereka dan meminta sesuatu pandangan yang baik daripada ahli-ahli mereka supaya mereka bersama-sama dengan kami dapat menyertai Kerajaan bagi menjayakan perlaksanaan gaji yang dikemukakan di dalam Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 27hb Januari, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.